


**Jilid I  
Bil. 8**



**Hari Rabu  
18hb Oktober, 1978**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 609]**

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 637]**

**Mengemukakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian:**

**Akta Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen (Perisytiharan Harta) 1978  
[Ruangan 637]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong [Ruangan 648]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

**Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

**Yang Berhormat** Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD**, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jejebu).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kempas).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 18hb Oktober, 1978

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANPERBADANAN PERKAPALAN  
ANTARABANGSA MALAYSIA  
(MISC)—PEMBELIAN KAPAL TANGKI

1. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan bila, mengapa dan siapakah dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia dan Kerajaan Malaysia yang membenarkan pembelian 5 buah kapal tangki membawa "Liquefied Natural Gas", berikan satu lapuran tentang butir-butir pembelian ini; dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan Malaysia tidak akan mengalami kerugian sekurang-kurangnya sebanyak \$200 juta, kerana kapal-kapal tangki ini tidak akan digunakan dari 1979-1982; dan bilakah sekim L.N.G. Bintulu akan mencapai peringkat pengeluarannya.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan bila dan mengapa MISC telah membeli 5 buah kapal tangki gas cecair asli telah pun saya jelaskan apabila menjawab soalan yang sama maksudnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 16hb Oktober yang lalu. Tentang siapa yang membenarkan pembelian itu, suka saya memaklumkan bahawa keputusan untuk membeli kapal-kapal itu adalah keputusan Kerajaan dan bukan keputusan seseorang individu baik dalam MISC mahupun dalam Kerajaan. Sewaktu menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dahulu, saya telah juga menyatakan tentang ikhtiar Kerajaan dan MISC untuk mendapatkan

perdagangan dan pengangkutan yang lain bagi kapal-kapal tangki L.N.G. sehingga projek L.N.G. Bintulu mengeluarkan gasnya. Oleh kerana ikhtiar-ikhtiar itu masih di dalam perundingan, maka saya tidaklah dapat memberi butir-butir lanjut mengenai-nya. Projek L.N.G. di Bintulu itu dijadualkan akan memulakan pengeluarannya pada awal tahun 1983.

JAWATANKUASA TANGGAGAJI  
KABINET

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan samada benar Suruhanjaya Gaji Di Raja yang dikenal dengan nama Jawatankuasa Tanggagaji Kabinet, setelah selesai tugas-tugasnya, tidak akan menubuhkan Suruhanjaya Gaji Di Raja lagi memandangkan bahawa semua tanggagaji telah diselaraskan dan samada Kerajaan akan hanya menilai dari keadaan sara hidup dan menaikkan mana-mana yang perlu apabila tiba masanya kelak dengan tidak mengubah kedudukan tanggagaji yang telah diselaraskan sekarang.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, setelah baru sahaja melaksanakan penyemakan gaji, Kerajaan tiada berhasrat pada masa ini untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Gaji Di Raja untuk menilai keadaan cost of living samada perlu membuat apa-apa pindaan kepada gaji kakitangan di dalam sektor awam.

Pada masa ini sangatlah awal bagi Kerajaan untuk memutuskan sama ada penyemakan gaji bagi kakitangan dalam sektor awam pada masa hadapan akan ditaklukkan kepada siasatan dan perakuan oleh sebuah Suruhanjaya Gaji Di Raja atau dikaji hanya berasaskan kepada penilaian keadaan sara hidup (cost of living) dengan tidak mengubah bentuk tanggagaji yang telah dilaksanakan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet.

**PETANI-PETANI DI LEMBAGA  
KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA  
(MADA)**

**3. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa banyak wang yang telah dikeluarkan untuk ganti rugi kepada petani-petani kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Malaysia (MADA) kerana kemarau panjang tahun lalu;
- (b) cara-cara ganti rugi ini diberi dan berapa bilangan reban ayam telah dibuat dan berapa harga tiap-tiap satu bangsal dibelanjakan;
- (c) berapa ramaikah petani-petani yang terlibat dalam kemarau tersebut dan berapa nilai kerugiannya dan berapa ramai bilangan mereka yang mendapat faedah dengan bantuan tersebut; dan
- (d) adakah Lembaga Pertubuhan Peladang mendapat keuntungan dengan projek ternakan ayam. Jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan

- (a) Kerajaan Pusat tidak membuat bayaran ganti rugi, seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi berusaha sedaya upaya meringankan kesusahan mangsa-mangsa kemarau tersebut dengan memberi bantuan menerusi dua cara.

Cara yang pertama dengan mengadakan peruntukan khas berjumlah \$3.8 juta kepada MADA di samping perbelanjaan sebanyak \$1.3 juta daripada peruntukan MADA sendiri. Daripada peruntukan tersebut sejumlah \$3.53 juta telahpun dibelanjakan sehingga 15hb Jun, 1978 bagi menyempurnakan 1,180 projek-projek kecil. Kerja-kerja yang telah dicommitkan sehingga tarikh tersebut adalah bernilai \$1.565 juta dan sedang dilaksanakan sekarang. Selain dari itu bantuan-bantuan juga disalurkan menerusi agensi-agensi lain di bawah Kementerian Pertanian seperti berikut:

Jabatan Pertanian ...	\$1.5 juta.
Jabatan Parit dan Taliair ... ..	\$283,870.
Bahagian Perkhidmatan Haiwan ... ..	\$1.7 juta.

Cara yang kedua Kerajaan membantu meringankan beban petani-petani yang terlibat itu dengan memberikan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (i) Menurunkan kadar cukai taliair bagi tahun 1978 sebanyak 50% yang melibatkan \$1.17 juta;
  - (ii) Menangguhkan bayaran balik kredit Bank Pertanian selama satu musim tanpa dikenakan faedah tambahan;
  - (iii) Mengeluarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah \$620,000 bagi mengadakan modal pusingan kepada Persatuan-persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian; dan
  - (iv) Membekalkan bahan-bahan membina bangsal-bangsal ayam sejumlah \$192,000.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sistem pengkadaran mata telah digunakan sebagai asas untuk memberi bantuan kepada petani-petani, iaitu dengan mengambil kira samada petani-petani itu seorang pemilik tanah, penyewa atau buruh bendang, luas tanah yang diusahakannya, saiz keluarga dan bilangan ahli dalam keluarga yang bekerja juga termasuk di dalam pertimbangan. Butir-butir tersebut mestilah disahkan oleh Ketua-ketua Yunit Persatuan Peladang atau Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung sebelum keputusan pemilihan dibuat. Pada asasnya petani-petani yang mempunyai mata atau markah yang tinggi diberi keutamaan untuk menjadi pekerja-pekerja yang mendapat upah dan menyertai perusahaan penternakan ayam dan menerima berbagai-bagai jenis subsidi in-put pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sebanyak 40 yunit bangsal ayam telah dibina dan tiap-tiap satunya mempunyai 4 buah bangsal. Harga bagi tiap-tiap satu bangsal berbeza-beza tetapi pukul rata \$1,200 untuk kos bahan dan \$450 hingga \$740 bayaran upah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c) kira-kira 60,000 orang petani telah terlibat oleh bencana kemarau tersebut tetapi yang paling teruk ialah berjumlah 21,000 orang. Akibat kemarau itu petani-petani mengalami kerugian pendapatan berjumlah \$97.5 juta iaitu dikira daripada anggaran pendapatan yang sepatutnya berjumlah \$170 juta pada tiap-tiap tahun. Bantuan Kerajaan di dalam membina projek-projek kecil daripada peruntukan yang dikhususkan itu telah memberi peluang kerja sebanyak 22,000 pekerjaan. Selain dari itu seramai 1,437 orang petani terlibat di dalam projek penternakan ayam, 738 orang dalam projek tanaman kontan dan 17,438 orang menerima faedah-faedah berbagai-bagai bantuan in-put pertanian.

Angka tepat bagi jumlah bilangan petani-petani yang mendapat faedah daripada bantuan-bantuan tersebut sedang diproses dan akan mengambil masa kerana ada di antara petani-petani itu yang mendapat lebih daripada satu faedah.

Bagi menjawab soalan (d) projek ternakan ayam adalah diusahakan oleh Koperasi-koperasi Peladang di kawasan MADA dan keuntungan di dalam peringkat pertama bagi kesemua koperasi tersebut berjumlah \$157,200. Lembaga Pertubuhan Peladang tidak mengambil apa-apa keuntungan kerana semua keuntungan hasil daripada projek-projek tersebut patutlah dinikmati oleh ahli-ahli Koperasi Peladang itu sendiri.

## PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**4. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memandang kepada bilangan besar pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di luar negeri samada sebuah biro khas akan ditubuhkan untuk menjaga kepentingan-kepentingan mereka serta mencegah mereka menjadi mangsa kontraktor-kontraktor yang bersifat kotor.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian saya belum bercadang untuk menubuhkan sebuah biro khas bagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di luar negeri. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna

bahawa Kementerian saya tidak mengambil berat di atas kepentingan dan kebajikan para-pekerja kita daripada menjadi mangsa kontraktor-kontraktor yang bersifat kotor (unscrupulous).

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penghijrahan pekerja-pekerja kita ke luar negeri adalah, secara besarnya, tertumpu kepada dua wilayah, iaitu Timur Tengah dan Singapura. Penghijrahan pekerja-pekerja ini ke luar negeri adalah dibuat secara persendirian dan Kerajaan tidaklah melibatkan diri secara langsung, dengan ertikata Kerajaan mengambil peranan yang aktif untuk menghantar mereka ini bekerja di negara-negara asing.

Kementerian saya telahpun menghantar seorang pegawai pada tahun lepas khusus untuk melihat secara dekat mengenai penghidupan dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja kita di Saudi Arabia. Satu laporan yang panjang lebar telahpun diberi ke Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat pada 14hb Julai tahun lalu.

Mengenai kebajikan pekerja kita di Singapura pula baru-baru ini Kementerian saya telah menghantar beberapa orang pegawai ke Singapura untuk menyiasat tuduhan yang menyatakan bahawa pekerja-pekerja kita di Singapura telah diberi layanan yang buruk. Dalam siasatan tersebut didapati bahawa laporan tersebut adalah tidak betul. Tuduhan-tuduhan ini telah dinafikan oleh sebilangan pekerja-pekerja itu sendiri dan juga oleh pihak Kongres Kesatuan Sekerja Singapura. Pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita di Singapura pun tidak ada menerima apa-apa aduan mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun perkara ini sentiasa diikuti dari semasa ke semasa dan Kementerian saya mempunyai hubungan yang rapat dengan Kementerian Luar Negeri, dalam hal ini.

Dari aspek yang lain pula, Kementerian saya juga sekarang ini sedang bekerjasama rapat dengan pihak Pendaftar Perniagaan supaya tiap-tiap syarikat pekerjaan swasta, (Private Employment Agencies) yang bertujuan untuk mencari pekerjaan kepada penganggur-penganggur baik di dalam negeri ataupun di luar negeri disiasat dahulu oleh Kementerian saya supaya dapat menentukan bahawa mereka yang menjalankan aktiviti

penempatan pekerja-pekerja ini adalah terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab dan mempunyai kemudahan-kemudahan tertentu bagi melaksanakan tanggungjawab mereka. Jika sekiranya didapati bahawa satu-satu syarikat itu hanya akan dijalankan untuk kepentingan jangka pendek syarikat itu sahaja, maka pendaftaran syarikat itu akan disyor supaya tidak dibenarkan kerana pendaftaran syarikat seperti itu akan memungkinkan syarikat berkenaan menggunakan penganggur-penganggur sebagai mangsa untuk mendapat untung secara cepat. Kerjasama dengan pihak Pendaftar Perniagaan ini sedang berjalan sekarang dan adalah diharapkan bahawa hanya syarikat-syarikat yang bertanggungjawab dan mempunyai kemudahan-kemudahan tertentu sahaja dapat bergerak untuk menghantar pekerja-pekerja ke luar negeri.

Dalam perkara ini Kementerian saya ingin menasihatkan pekerja-pekerja yang akan berkhidmat atau ingin berkhidmat di luar negeri supaya menandatangani perjanjian pekerjaan mereka di negara ini juga. Dengan cara ini tindakan sewajarnya dapat diambil apabila perjanjian itu tidak dipatuhi. Dari aspek ini pekerja-pekerja yang ingin berhijrah ke luar negeri adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan Kementerian saya supaya mendapat nasihat-nasihat tertentu sebelum menandatangani perjanjian-perjanjian berkaitan dengan pekerjaan mereka di luar negeri.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu ramai rakyat Malaysia telah pergi ke luar negeri seperti di Singapura dan Timur Tengah untuk mencari pekerjaan, maka apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengawasi pengaliran rakyat yang begitu ramai ke luar negeri tiap-tiap tahun.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan itu tadi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini samada Kementerian berkenaan dapat mempunyai satu rekod yang lengkap mengenai pekerja-pekerja Malaysia yang ada bekerja di luar negeri?

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada. Seperti yang saya katakan tadi penghijrahan pekerja-pekerja ini adalah secara persendirian dan tidak di bawah kawalan Kementerian. Kita tidak memaksa sesiapa warganegara Malaysia yang duduk di luar negeri mendaftar diri dengan Pesuruhjaya Tinggi kita. Jadi dengan keadaan itu, kita tidak dapat memberi rekod atau menyimpan rekod yang lengkap mengenai setiap pekerja yang ada di luar negeri.

**Dr Chen Man Hin:** Ada berapa pemborong-pemborong yang didaftar di Pejabat Buruh?

**Tuan K. Pathmanaban:** Saya minta maaf, pemborong?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia, pemborong.

**Tuan K. Pathmanaban:** Kita tidak ada daftar pemborong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemborong dalam negeri atau luar negeri Yang Berhormat?

**Dr Chen Man Hin:** Yang kita hendak ambil mereka itu pergi luar negeri, seperti ke Timur Tengah.

**Tuan K. Pathmanaban:** Peraturan pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak dikehendaki pemborong-pemborong atau kon-trektor itu mendaftar diri, walaupun kita tahu dan sedar tentang beberapa pemborong yang sedang menjalankan urusan pengambilan pekerja untuk luar negeri.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengaku bahawa ada beberapa perkara yang telah dibawa ke perhatian pihak Kementerian beliau terutama sekali tentang keadaan pekerja-pekerja di Saudi Arabia dan Singapura. Memandangkan perkara ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan dengan penuh masa dua bahagian untuk menerima aduan-aduan daripada pekerja-pekerja di Singapura dan di Saudi Arabia di Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan juga di Kedutaan Malaysia di Saudi Arabia.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya telah mengatakan bahawa tiada bukti pada masa ini bahawa layanan yang diberi kepada pekerja kita adalah buruk dari beberapa segi dan siasatan Kementerian pun tidak dapat membuktikan itu. Tetapi pekerja-pekerja Malaysia, rakyat Malaysia di manapun, jika merasa kesal dengan apa-apapun sepatulah berhubung dengan Pesuruhjaya Tinggi kita di negara itu. Tetapi seperti saya katakan tadi di Singapura belum ada satu aduan pun.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang berada di luar negeri adakah bilangan ini bilangan biasa atau bilangan yang luar biasa?

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak meletakkan satu garisan untuk kita mengukur bilangan yang berhijrah itu biasa atau luar biasa. Tetapi boleh kita katakan di Timur Tengah lebih kurang 500 pekerja Malaysia sedang berkhidmat. Di Singapura pula angka-angka yang kita mempunyai tidak begitu tepat, kerana ada banyak pekerja yang masuk setiap hari ke Singapura dan kembali dari Singapura untuk pekerjaan secara tidak rasmi.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri ada menerangkan perkara mengenai ramai warganegara kita yang bekerja di luar negeri dan memandangkan pendapatan kerja di luar negeri ini satu perkara yang baru yang telah terkenal di dalam negara kita, tidakkah pihak Kerajaan bercadang mengadakan satu peraturan supaya warganegara kita yang ke luar negeri ini untuk mendapatkan pekerjaan keadaan mereka terjamin, rekod untuk dikesan sekiranya berlaku sesuatu oleh keluarga-keluarganya dapat dibuat pada masa akan datang.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, paspot Antarabangsa, setiap rakyat Malaysia dinasihatkan supaya melapurkan diri di Pesuruhjaya Tinggi atau Kedutaan kita di mana-mana negeripun dan pada masa ini kita fikir peraturan itu adalah cukup. Tetapi seperti saya katakan tadi di tempat-tempat di mana terdapat ramai pekerja-pekerja kita, Kementerian saya secara langsung dan melalui Kementerian Luar Negeri sedang mengawasi keadaan di situ.

Jika kita berkehendakkan cara-cara yang baru digunakan, Kementerian sedia untuk mengkaji cara-cara itu.

## ROMBONGAN PELABURAN MALAYSIA

**5. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah keputusan yang tertentu yang tercapai oleh Rombongan menggalakkan pelaburan Malaysia yang diketuai oleh beliau sendiri semasa melawat Birmingham, Frankfurt, Paris dan negara-negara Scandinavia baru-baru ini; dan
- (b) adakah berbangkit persoalan mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian jika ada, adakah negara-negara industri yang berkenaan yakin dengan jawapan yang diberikan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), sukacita saya memaklumkan bahawa soalan tersebut telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 16hb Oktober, 1978.

Bagi menjawab bahagian (b) Akta Penyelarasan Perindustrian telah dibangkit semasa lawatan Rombongan ini, tetapi ianya tidaklah merupakan satu perkara besar yang hangat diperbincangkan. Perkara yang diperbincangkan hanyalah melibatkan issue-issue umum berkaitan dengan jenis-jenis industri dan juga projek-projek yang dikecualikan daripada peruntukan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian. Saya rasa ini adalah disebabkan yang Akta tersebut telahpun dibincangkan secara mendalam semasa lawatan rombongan-rombongan Pelaburan yang terdahulu dan pelabur-pelabur di Eropah telah sedia maklum akan konsep-konsep asas berkaitan dengan Akta tersebut. Lanjutan daripada ini bolehlah dikatakan yang beberapa pelabur-pelabur Eropah telahpun menunjukkan minat masing-masing untuk menyusuli ke atas cadangan-cadangan projek yang tertentu. Ini menunjukkan yang Akta Penyelarasan Perindustrian tidaklah merupakan satu halangan kepada rancangan-rancangan pelaburan mereka.

## RUMAH PANGSA

6. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah rumah-rumah pangsa akan dijual kepada penghuni-penghuni di seluruh negara amnya dan di Melaka khususnya, sepertimana yang selalu diminta-minta oleh penghuni-penghuni rumah pangsa Bandar Hilir, Jalan Bendahara dan Bukit Palah di Melaka, jika masih belum dapat dijual dengan bayaran secara beransur-ansur, sila nyatakan sebabnya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya kira rumah-rumah pangsa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah rumah-rumah pangsa yang dibina di bawah Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah yang dibiayai melalui peruntukan Kementerian saya.

Setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk menjual rumah-rumah pangsa tersebut atas sebab-sebab berikut:

- (i) Kerajaan-kerajaan negeri masih belum lagi menyelesaikan masalah strata title;
- (ii) Sekiranya dijual akan timbul masalah penjagaan dari segi kebersihan, lif, tangki air dan saluran najis rumah-rumah tersebut. Pada masa ini perkara-perkara itu dijaga dan dibiayai oleh Kerajaan negeri dan Dewan Bandaraya dan perbelanjaannya tidak dikenakan kepada penghuni-penghuni;
- (iii) Sewa yang dikenakan ke atas penghuni-penghuni adalah sangat rendah dan di dalam lingkungan kemampuan golongan berpendapatan rendah. Kiranya rumah pangsa itu dijual, bayaran bulanan adalah lebih tinggi dari sewa. Ini akan membebankan penghuni-penghuni rumah pangsa itu. Melalui amalan sekarang lebih ramai rakyat berpendapatan rendah akan dapat menikmati kemudahan tempat tinggal yang selesa (decent shelter);
- (iv) Rumah-rumah pangsa yang dibina di bawah rancangan perumahan awam kos rendah adalah ditujukan khas

kepada golongan berpendapatan rendah dan ianya didirikan di kawasan-kawasan bandar yang mana harga tanah dan harta sangat tinggi. Sekiranya yunit-yunit rumah tersebut dijual maka besar kemungkinan dalam masa beberapa tahun sahaja ianya akan bertukar tangan, biasanya dibeli oleh orang-orang yang kaya dan dengan demikian ianya tidak akan dimiliki oleh rakyat golongan berpendapatan rendah. Ini akan menghalang matlamat Kerajaan untuk menolong rakyat yang berpendapatan rendah;

- (v) Penjualan rumah itu juga akan menyekat mobility penghuni-penghuni rumah tersebut. Biasanya mereka akan terikat tinggal di tempat tersebut dan enggan berpindah ke tempat lain sungguhpun mereka mendapat peluang kerja yang lebih baik dan dengan pendapatan yang lumayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara tiga projek di Melaka yang disebutkan itu, hanya projek Bandar Hilir sahaja yang dibina di bawah Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Projek rumah pangsa di Jalan Bendahara adalah kepunyaan Majlis Bandaran Melaka Tengah. Tidak ada projek rumah pangsa di Bukit Palah.

**Tuan Lee Boon Peng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu apa sebabnya masalah strata title belum diselesaikan oleh Kerajaan Negeri memandangkan ada peruntukan mengenai strata title di dalam National Land Code?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Ini soalan jual rumah tetapi title itu biasanya dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya perlukan notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkehendakkan notis, fasal menyebut strata title tadi.

**Tuan Lee Boon Peng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan ada satu sebab ialah strata title belum diselesaikan. Jadi apa sebabnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri minta notis, nanti kemudian.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rumah-rumah awam kos rendah ini di negeri Melaka sewanya adalah berharga lebih kurang \$80 sebulan; ini tidak termasuk bil-bil bekalan air dan letrik. Ini telah melebihi kemampuan ekonomi golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menurunkan sewa bulanan ini yang berharga \$80 sebulan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Chan Teck Chan:** Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu barangkali tidak betul kerana rumah pangsa satu bilik yang disewa harganya \$40—itu mengikut dasar seluruh negara kita—dan rumah yang dua bilik harganya \$55. Jadi tidak perlu lagi diturunkan sebab ada dasar untuk kita memberi sewa kepada penghuni-penghuni harga sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya samada menjadi dasar Kerajaan untuk membolehkan orang ramai khasnya rakyat yang miskin untuk memiliki rumah, dan jika benar, samada Kerajaan atau bilakah Kerajaan dapat menjual flats atau rumah pangsa yang dibina oleh Kerajaan di Kuala Lumpur kepada penghuni-penghuni yang berkenaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi sebab-sebabnya. Antara sebabnya ialah tidak dapat dijual tetapi dia berkehendakkan notis tadi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Di antara sebabnya ialah kos penjagaannya terlampau tinggi; 10,245 buah sebanyak \$1.3 juta terpaksa dibelanjakan untuk penjagaannya tiap-tiap tahun sebagaimana saya telah nyatakan dalam jawapan saya yang awal tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bertanya bila agaknya boleh. Nanti soalan tambahan juga lagi!

**Tuan Lee Lam Thye:** Adakah dasar Kerajaan untuk membolehkan rakyat yang miskin memiliki rumah sendiri dan sekiranya Kerajaan ada cadangan ini, bilakah cadangan ini dapat dilaksanakan?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Ini dilaksanakan. Dasar sekarang ini sewa; bukan dijual.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat itu bertanya adakah dasar menjual.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah ini berbagai-bagai jenis, rumah pangsa iaitu rumah teres, rumah yang dibuat secara ini—ada, tetapi ini khas bagi rumah pangsa sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rumah pangsa tidak ada.

## PINJAMAN LUAR MALAYSIA

7. **Tuan V. David** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman luar serta faedahnya termasuk dari Bank Dunia yang masih belum dijelaskan oleh Malaysia dan bagaimana pembayaran balik akan dibuat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman luar negeri yang masih belum dijelaskan setakat 30hb Jun, 1978 adalah sebanyak \$3,638.07 juta dan butir-butirnya adalah seperti berikut:

(1) Pinjaman projek dari Bank Dunia	...	...	...	\$ 489.97 juta	
(2) Dari Bank Pembangunan Asia	...	...	...	410.92 juta	
(3) Pinjaman bilateral	...	...	...	1,123.32 juta	
					\$2,024.21 juta
Dan bagi Pinjaman-pinjaman pasaran	...	...	...	...	1,613.86 juta
Jumlah hutang yang belum selesai	...	...	...	...	\$3,638.07 juta

- Kadar-kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman tersebut di atas tadi adalah di antara 3% hingga 9% setahun.

Pembayaran balik pokok pinjaman akan dibuat mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Pinjaman yang berkaitan dan akan dibuat daripada hasil negara.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini berapa tahun akan datang kita boleh selesaikan hutang-hutang ini?

**Puan Rafidah Aziz:** Berdasarkan kepada jumlah baki yang ada, semuanya akan selesai pada tahun 2018.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi jumlah pinjaman luar negeri adakah sudah sampai ke peringkat bahaya ataupun belum?

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, rasa saya tidak bolehlah kita gunakan perkataan-perkataan seperti "peringkat bahaya" kerana pinjaman-pinjaman itu berdasarkan kepada keperluan kita dalam negara untuk pembangunan. Jadi semakin kita membangun semakin berkehendakkan pinjaman. Tidak ada paras bahaya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa hutang luar negeri kita ialah cuma kira-kira 12% daripada Gross National Product (GNP) dan negara Malaysia adalah di antara 25 buah negara daripada 58 buah negara yang berpendapatan sederhana yang hutang luar negerinya kurang daripada 15% daripada GNP?

Soalan kedua, adakah juga benar bahawa Malaysia adalah sebuah daripada 11 buah negara yang berpendapatan sederhana yang mempunyai gross international reserve melebihi daripada external debt? Kalau ini benar, adakah ini mencerminkan bagaimana eloknya ekonomi negara ini diuruskan oleh pihak pengurus-pengurus ekonomi kita dan kalau ini benar juga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bermaksud hendak menyampaikan ucapan tahniah saya kepada mereka?

**Puan Rafidah Aziz:** Saya tidak dengar, ucapan tahniah kepada siapa, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepada pihak yang menguruskan, termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. (*Ketawa*)

**Puan Rafidah Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kedua statements itu adalah benar. Negara Malaysia adalah sebuah negara yang mana external reservenya jauh lebih besar daripada hutang negara bahkan debt servicing kita ataupun bayaran nisbah khidmat bayar hutang luar negeri adalah satu daripada yang agak terendah jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain dan bolehlah saya katakan bahawa ini satu daripada kecapaian pengurusan kewangan dan pengurusan ekonomi negara yang baik dan juga oleh kerana kita bernasib baik perlaksanaan ekonomi negara terutamanya pulangan atau hasil daripada eksport kita di masa-masa yang lepas telah tidak mendatangkan kesan buruk kepada kita sungguhpun keadaan luar negeri tidak begitu baik dan sungguhpun keadaan seluruh dunia mengalami kemerosotan, namun demikian kita masih juga stabil dan teguh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi bahagian soalan itu; sebelum Ahli Yang Berhormat itu bangun lagi—iaitu foreign reserve melebihi daripada hutang.

**Puan Rafidah Aziz:** Betul.

## MAS KE LONDON

**8. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan bilangan penerbangan yang terhad, iaitu sebanyak dua kali penerbangan seminggu ke London oleh Sistem Penerbangan Malaysia, adakah Kerajaan akan berunding dengan Jerman Barat atau Perancis bagi hak-hak pendaratan dalam salah satu daripada dua buah negara ini memandangkan bilangan yang besar penumpang-penumpang yang meninggalkan Kuala Lumpur untuk pergi ke Eropah tiap-tiap minggu.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, MAS pada masa ini mengadakan 2 penerbangan seminggu ke London dengan menggunakan kapalterbang jenis DC10, Kedua-dua penerbangan itu singgah di Kuwait dan satu daripada penerbangan itu singgah juga di Frankfurt. Muatan penumpang-penumpang dan kargo bagi kedua-dua penerbangan itu adalah baik dan didapati tempat duduk tidak mencukupi bagi memenuhi kehendak penumpang-penumpang.

Pihak MAS telahpun merancang untuk menambahkan penerbangannya ke bandar-bandar lain di Eropah. Dalam hal ini pihak Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah untuk berunding dengan beberapa Kerajaan di Eropah termasuk Jerman Barat dan Perancis bagi maksud mendapat hak-hak mendarat untuk MAS. Sekiranya hak-hak mendarat didapati dari Negara-negara yang berkenaan pihak MAS akan mengadakan penerbangan-penerbangan ke beberapa bandar lain dari London di Eropah.

### MAJLIS-MAJLIS TEMPATAN

**9. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa parit (longkang) yang ada di dalam majlis-majlis tempatan atau bandaran terpaksa dikerjakan oleh beberapa Jabatan di bawah berbagai Kementerian. Misalnya mencuci sesuatu longkang oleh Jabatan Kerjaya, Jabatan Parit dan Tali Air dan juga pihak Majlis-majlis Tempatan. Tidakkah kerja-kerja ini diselaraskan di antara semua Jabatan-jabatan berkenaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat saya sedar bahawa terdapat beberapa Jabatan yang terlibat di dalam pembinaan dan penyelenggaraan longkang-longkang di dalam kawasan-kawasan bandar dan penguasa tempatan. Saya juga sedar bahawa Jabatan Kerjaya dan Jabatan Parit dan Taliair terlibat dalam tugas-tugas yang sama.

Bagi makluman Yang Berhormat—Jabatan Parit dan Taliair hanya bertanggungjawab terhadap sungai-sungai dan anak-anak sungai

yang terletak di kawasan penguasa tempatan dan oleh demikian soal pembinaan dan penyelenggaraan longkang-longkang adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair. Manakala longkang-longkang yang terletak di kawasan penguasa tempatan pula, tugas pembinaannya adalah terletak di bawah J.K.R. jika diminta oleh penguasa tempatan untuk berbuat demikian. Bagaimanapun longkang-longkang ini tidaklah diselenggarakan oleh J.K.R. tetapi diselenggarakan oleh penguasa tempatan berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedar bahawa soal koordinasi adalah penting apabila projek-projek pembangunan sedemikian dijalankan di kawasan-kawasan penguasa tempatan dan Kementerian saya menjamin bahawa perkara ini akan diamalkan.

### SEKOLAH-SEKOLAH GRED C

**10. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa masih ada sekolah-sekolah Gred "C" yang tidak mendapat kemudahan seperti di sekolah-sekolah Gred "A" dan "B" tentang mengadakan Kerani dan Budak Pejabat; dan kadangkala Guru-guru Besarnya sendiri terpaksa mengajar pula, walhal pentadbirannya sama sahaja, jika ya, mengapa.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari bahawa memang ada sekolah-sekolah rendah Gred "C" yang tidak diperuntukkan Kerani/Kerani Rendah/Budak Pejabat seperti yang diperuntukkan untuk sekolah-sekolah rendah Gred "A" dan "B". Sekolah-sekolah yang tidak mendapat peruntukan itu ialah sekolah-sekolah rendah Gred "C" yang kecil iaitu sekolah-sekolah yang mempunyai murid kurang daripada 200 orang.

Ini adalah kerana pada pandangan Kementerian Pelajaran dari segi tugas dan tanggungjawab sekolah itu belum patut dibekalkan dengan Kerani/Kerani Rendah kerana tugas-tugasnya tidak begitu banyak dan boleh diuruskan oleh Guru Besar. Dari segi beban tugasnya, Guru Besar di sekolah tersebut hanya menyelia bilangan guru yang kecil (kira-kira 4 atau 5 orang guru) dan bilangan murid-murid yang kecil jika dibandingkan dengan sekolah Gred "C" yang

lebih besar. Adalah dikuatirkan jika sekolah-sekolah seperti ini diperbekalkan dengan seorang Kerani Rendah sudah tentunya beban dan tanggungjawab Kerani Rendah itu adalah tidak sejajar dengan jawatannya.

Berhubung dengan peruntukan Budak Pejabat, memandangkan bahawa sekolah Gred "C" yang kecil hanya mempunyai murid kurang daripada 200 orang dan bangunannya kecil, bilangan bilik darjahnya terhad dan kawasannya memang tidak luas, maka Kementerian Pelajaran berpendapat perkhidmatan Budak Pejabat di sekolah ini adalah tidak diperlukan.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat mengenai mengapa Guru Besar sekolah Gred "C" yang kadangkala terpaksa mengajar, saya suka menjelaskan di sini bahawa adalah menjadi kesalahan jika seorang Guru Besar itu jika ia tidak mengajar. Dasar Kementerian Pelajaran mengenai hal ini ialah setiap Guru Besar di sekolah menengah ataupun sekolah rendah, mereka adalah dikehendaki mengajar tidak kurang dari 9 waktu dalam seminggu. Tujuannya ialah supaya tiap-tiap Guru Besar itu akan dapat mengawasi dan mengenali murid-murid di sekolah mereka dan di samping itu beliau dapat mengikuti dan mempraktikkan perkembangan pelajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah masing-masing.

## RUMAH DI TAMAN KLUANG MENGENAI "FOOTBALL MONEY"

**11. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi satu lapuran kemajuan tentang tindakan yang Kementerian beliau telah ambil terhadap aduan yang dibuat oleh lebih kurang 100 orang pembeli-pembeli rumah di Taman Kluang, Kluang yang telah membayar "football money" sebanyak \$200 hingga \$2,400 kepada pemaju perumahan berkenaan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang menjalankan siasatan ke atas syarikat yang berkenaan. Mengikut penjelasan yang telah diberi oleh syarikat tersebut setakat ini adalah didapati bahawa sedikit salah faham telah berlaku mengenai kutipan wang tambahan yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebagai "football money" itu.

Pihak syarikat telah menerangkan bahawa mengikut surat perjanjian jualbeli tambahan atau "Memorandum of Release" di antara syarikat dan pembeli-pembeli yang berkenaan, pembeli-pembeli adalah dikehendaki membayar 40% harga rumah dan oleh sebab pada masa itu mereka tidak berkemampuan atau belum lagi mendapat pinjaman mereka masing-masing untuk membayar baki harga rumah mengikut jadual yang telah ditentukan, pihak syarikat, bagi menolong mereka telah mengaturkan untuk mendapat pinjaman sementara supaya pembayaran kepada kontraktor mengikut jadual dapat dibuat dan kerja-kerja pembinaan boleh diteruskan. Pinjaman sementara berjalan selama 8 bulan dan pembeli-pembeli adalah dikehendaki membayar faedah sebanyak 12% setahun bagi tempoh tersebut iaitu 8% kos rumah. Dengan demikian kutipan tambahan itu adalah sah seperti yang telah diperuntukkan di dalam perjanjian tambahan. Bayaran ini lebih merupakan penalti yang telah dikenakan kepada pembeli-pembeli oleh sebab ketidakmampuan mereka membayar mengikut jadual dan bukan apa yang dikatakan "football money" seperti yang telah disangkakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Apakah siasatan Kementerian di dalam perkara ini telah tamat dan adakah Kementerian Perumahan menerima keterangan yang diberikan oleh syarikat yang berkenaan ini dan tidak berhubung dengan pembeli-pembeli untuk memastikan samada cerita ini benar atau tidak benar?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Kementerian saya bukanlah hendak menjadi champion kepada pembeli ataupun menjadi champion kepada pemaju, tetapi pada umumnya suka-lah saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Kementerian saya masih dalam siasatan lagi.

**Tuan Lee Kaw:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Sampai hari ini lebih daripada 100 orang telah membayar wang itu dan jikalau seperti yang dikatakan Timbalan Menteri ini merupakan penalti yang telah dikenakan, jadi apa sebab ia tidak beri resit?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Pada jawapan umumnya, seperti yang saya telah sebutkan tadi siasatan yang lebih mendalam sedang dijalankan oleh Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kalau siasatan belum habis dan ini menunjukkan perkara ini belum dapat satu keputusan iaitu, samada aduan-aduan pembeli-pembeli ini benar atau tidak benar, keterangan serta penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu setem sah kepada cerita-cerita pemaju. Adakah Kementerian Perumahan menerima penjelasan pihak pemaju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah! Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab—setakat ini itulah jawapannya. Tetapi siasatan mendalam masih dijalankan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi beliau menafikan adanya “football money” dan beliau mengatakan siasatan belum habis, bagaimana beliau boleh datang ke Dewan ini dan mengatakan tidak ada pembayaran “football money” sedangkan siasatan belum habis. Ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan itu mengenai resit bukan fasal “football money” atau apa-apa money, football money sudah sah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Sudah tetap.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Ahli Yang Berhormat itu jangan salah faham.

**Tuan Hishamuddin bin Yahaya:** Soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi ini bermakna pengakuan telah diberi oleh Timbalan Menteri bahawa pembayaran “football money” ini telah berlaku. Jadi soalan saya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak kata wang itu football money, wang itu sebagai penalti kerana tidak ada kemampuan bagi pihak pembeli rumah itu menyempurnakan pada masa yang ditentukan.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun demikian, pembayaran telah dibuat, jadi saya ingin mengetahui samada pembayaran seperti ini samada penalti ataupun sebagainya tidak bertentangan dengan standard clauses di dalam agreement jual beli yang dicadangkan oleh Kementerian itu. Dan jikalau standard clauses ini belum lagi dilaksanakan, apakah sikap Kementerian mengenai dengan perkara ini kerana Kementerian sendiri tahu bahawa Kementerian ada bercadang hendak membuat standard clauses di dalam agreement jual beli.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, standard clauses itu benar, tetapi dia ada supplementary agreement sebab dua pihak. Satu pihak itu dia tidak ada kemampuan, bila dia tidak ada kemampuan, dia tidak dapat hendak menjelaskan, dia ada supplementary agreement. Di dalam agreement itulah yang dikenakan 12% dan 8% untuk rumah, kalau tidak tergendala rancangan-rancangan itu. Masalah itu adalah masalah sebagaimana yang saya telah memberi jawapan yang jelas tadi dalam jawapan asal.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan wang bola (football money) ini apa dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Football money ini bukannya Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Keluang, dia sudah nafikan.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Mengenai jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, saya ingin membangkitkan satu soalan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soallah! (*Ketawa*)

**Tuan Lee Kaw:** Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini saya mahu tambah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tambahlah! (*Ketawa*)

**Tuan Lee Kaw:** Ada 31 orang pembeli sudah membayar cash, tetapi sampai hari ini sudah setahun lebih belum dapat title, jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada siasat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, duduklah selagi tidak duduk, Timbalan Menteri tidak boleh jawab.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita siasat bukan satu sahaja, kita siasat banyak rancangan. Kalau terjadi di mana-mana perkara yang tidak betul, Ahli Yang Berhormat itu boleh minta tambah lagi Pegawai Penguatkuasa kepada Kementerian saya, bagi melaksanakan kehendak rakyat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beritahulah. Yang Berhormat, nanti sabar dahulu! Ahli Yang Berhormat dari Keluang kalau ada apa-apa maklumat yang patut disampaikan beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Lee Kaw:** Saya sudah berunding dengan Timbalan Menteri berkenaan selama beberapa kali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana saya tahu, tidak cakap! (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan di dalam perkara aduan specific ini mengenai bayaran football money atau bayaran tanpa resit oleh 100 orang pembeli yang nilainya berbeza daripada \$200 hingga \$2,400, dalam aduan-aduan ini adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memihak pemaju-pemaju atau mempunyai satu peranan yang neutral mahu menjaga kepentingan pembeli-pembeli?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab dia tidak jadi champion pemaju. Sabarlah, duduk dahulu, saya hendak bercakap! Bila saya bercakap, semua orang hendaklah diam, tidak faham lagi, sudah berapa tahun duduk di Dewan ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut football money ini datangnya dari Ahli Yang Berhormat daripada soalan yang asal. Saya telah nyatakan tadi mengenai dengan soal resit, jawapannya bahawa perkara itu di dalam siasatan yang mendalam dan siasatan yang teliti. Jadi tidak dapatlah saya hendak jelaskan siasatan daripada pihak Kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bangkitkan lagi soal ini, tetapi sudah ada dalam makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia akan menyiasat.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Tuan Chan Teck Chan:** Yang terakhir. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bilakah siasatan ini akan disiapkan dan sebelum siasatan ini disiapkan, adakah Timbalan Menteri ini akan memanggil pembeli-pembeli supaya mereka dapat memberikan lebih banyak maklumat-maklumat yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian yang berkenaan.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, siasatan itu akan dibuat secepat mungkin.

## KUIL-KUIL HINDU

**12. Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa dalam tempoh setahun yang lalu banyak kuil-kuil Hindu telah dirobah dan juga banyak patung-patung, tokong Hindu telah dimusnahkan oleh orang atau orang-orang yang tidak bertanggungjawab sehingga berlaku satu peristiwa malang di Kerling di mana empat orang terbunuh dan beberapa orang tercedera, jika ya, tidakkah peristiwa-peristiwa ini menunjuk ada golongan di dalam dan di luar Kerajaan yang tidak menghormati jaminan kebebasan agama yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan kita;
- (b) berapa orang telah ditangkap berhubung dengan tindakan memusnahkan patung-patung Hindu di kuil-kuil Hindu dan berapa orang akan dihadapkan di mahkamah serta nama-nama mereka yang telah ditangkap itu; dan
- (c) bolehkah memberi jaminan bahawa kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi di mana-mana tempat di Malaysia.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat yang Kerajaan tahu, belum ada kuil-kuil Hindu yang dirobohkan oleh penjahat maksudnya, tetapi Kerajaan memang sedar ada sebahagian kecil kuil-kuil Hindu yang telah diceroboh bukan diroboh, dan patung-patungnya dimusnahkan termasuklah kejadian di Kerling yang mana kes ini sekarang berada di bawah urusan mahkamah dan dengan itu saya tidak dapat hendak menambah apa-apa bekeanan dengan perkara itu. Di samping itu ada juga orang-orang yang menceroboh kuil-kuil Hindu itu dengan tujuan mencuri. Saya menolak dengan kerasnya tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bahawa ada golongan di dalam Kerajaan kononnya yang tidak menghormati jaminan kebebasan ugama. Kejadian-kejadian ini adalah lebih merupakan peristiwa-peristiwa jenayah yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan seharusnya tidak dianggap sebagai bercorak perkauman atau mempunyai apa-apa unsur ugama.
- (b) Setakat ini 6 orang yang terlibat telah ditangkap walaupun banyak yang kita sekarang di dalam syak dan dalam siasatan tetapi yang telah ditangkap 6 dan telah dihadapkan ke mahkamah. Tetapi dari 6 yang ditangkap itu, dua didapati mengidap penyakit otak (O.T.C.) dan seorang lagi telah ditajuhkan hukuman penjara kerana kesalahan mencuri barang-barang berharga di dua buah kuil berasingan. Siasatan lanjut ke atas kes-kes yang lain, macam saya kata tadi banyak orang-orang yang disyaki sekarang sedang dijalankan. Dan adalah tidak wajar bagi saya mengemukakan nama-nama mereka yang disyaki dan begitu juga mereka yang menyiasat ini berharap kita tidak menjejaskan perkara ini.
- (c) Adalah agak sukar iaitu bolehkah saya memberi jaminan bahawa kejadian-kejadian seumpama ini tidak akan berlaku lagi di mana-mana tempat. Ini saya rasa payah saya hendak memberi jaminan yang kejadian seumpama ini tidak akan berlaku lagi

kerana tidaklah mungkin bagi pihak Kerajaan boleh mengawal tiap-tiap kuil atau apa jua rumah ibadat di dalam negara kita pada setiap waktu.

Tetapi sementara itu pihak Polis dengan seberapa daya-upayanya membuat kawalan dan menyiasat sebarang kes dengan teliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang. Pihak Polis juga mengadakan hubungan rapat dengan Rukun Tetangga, RELA dan juga dengan Jawatankuasa Kuil bagi memperketatkan langkah-langkah keselamatan kuil-kuil dan menasihati mereka cara-caranya bagaimana hendak menjaga kuil termasuklah mengadakan pagar di sekeliling kuil dan juga cara-cara untuk menghalang pencerobohan, dan juga menasihatkan mereka janganlah mereka itu sekali-kali mengambil tindakan di luar undang-undang.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa apakah sebabnya pihak Polis begitu lambat untuk bertindak menyiasat dan mencegah kes-kes untuk menceroboh kuil-kuil atau tokong China yang saya lapurkan kepada IGP dan juga CPO pada 10hb Ogos di negeri Melaka. Di dalam laporan itu, saya beritahu 4 kuil di negeri Melaka yang mana patung-patungnya sudah dibinasakan termasuk satu tempat bersembahyang kaum China.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. Ini hal tokong Hindu!

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya, ada 4 tokong Hindu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cakap tadi ini kuil orang China—bukan?

**Tuan Chan Teck Chan:** Satu ialah kuil China dan 4 ialah kuil Hindu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cakaplah macam itu!

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya sudah beritahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kes yang di Melaka ini ada 3, yang mana satu Yang Berhormat katakan?

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada alamat, nama dan tarikh perkara tersebut berlaku.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beliau ingatkan kepada saya?

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya ada lapurkan kepada IGP.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Berikan saya satu namanya supaya saya boleh jawab. Tolong beritahu kepada saya sekarang kes yang mana daripada 3 ini tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya akan kirimkan salinan surat ini kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu yang betul. Macam mana Yang Berhormat Menteri hendak ingat semua, berapa kes yang ada dalam Malaysia ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Kes ini saya ada lapurkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kes Yang Berhormat itu beritahulah dahulu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya sudah beritahu kepada IGP.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik beritahu—ingatkan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu bilangan insiden yang telah berlaku dalam tempoh setahun di mana saya telah berkata dalam soalan saya. Kedua, saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Menteri tentang tidak ada kuil yang diroboh kerana ada . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Samada setuju atau tidak setuju bukan soal di sini.

**Tuan P. Patto:** Saya boleh buktikan, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengar dahulu. Mengikut Peraturan Mesyuarat sesuatu soalan tambahan itu tidak boleh dijadikan helah untuk perbincangan. Soalan tambahan ini bukan untuk dijadikan helah (excuse) hendak jadi debate—bukan. Samada setuju atau tidak setuju, itu lain fasal tetapi itulah jawapan rasmi daripada pihak Kerajaan. Ini kuil-kuil apa? Saya nampak di mana pokok-pokok besar ada kuil ini.

**Tuan P. Patto:** Ya, saya ingat cara . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana sahaja boleh buat kuil?

**Tuan P. Patto:** Itu cara orang-orang Hindu bagaimana dia mahu beribadat. Saya ingat itu satu kebebasan yang termaktub dalam Perlembagaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlembagaan tidak kata di mana sahaja boleh buat kuil.

**Tuan P. Patto:** Ya, tetapi Perlembagaan tidak kata tidak boleh sembahyang di mana-mana sahaja dia mahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu patutlah Kerajaan ambil perhatian supaya masa satu jam ini tidak terbuang dalam keadaan macam ini.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, selalu ada selingan, jadi terpaksa dia panjang-panjang (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Mestilah ada. Kalau tidak ada—biarkan sahaja Yang Berhormat bercakap yang salah. Mesti ikut Peraturan Mesyuarat!

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tadi saya ada bertanya satu soalan mengenai bilangan insiden dan kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kuil Hindu di Batang Berjantai telah diroboh oleh pihak Kerajaan dan kemudiannya tanah itu diberi balik kepada Jawatankuasa Kuil itu selepas mendapat bantahan dan rayuan daripada beberapa pihak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat Menteri ingat? Kalau tidak, mana hendak ingat semua kejadian-kejadian.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan yang terjadi iaitu 30 semuanya dan soal Batang Berjantai ini (*Ketawa*) adalah saya kira tergantung (*Ketawa*) kepada pihak Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tergantung di mana? (*Ketawa*).

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Pihak Kerajaan mengambil tindakan yang tidak termasuk sebagai satu daripada kes yang disiasat oleh Polis, jadi tidak ada dalam senarai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup!

## USUL-USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.00 malam.

### MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

### AKTA MENTERI-MENTERI DAN AHLI-AHLI PARLIMEN (PERISYTIHARAN HARTA) 1978

3.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan satu usul yang bertujuan mendapatkan izin Dewan ini untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Perseendirian bernama Akta Menteri-menteri dan

Ahli-ahli Parlimen (Perisytiharan Harta) 1978 yang menghendaki setiap orang Menteri dan Ahli Parlimen mengisytiharkan secara umum harta benda mereka dan keluarga mereka setiap tahun.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai reputasi perseendirian sebagai seorang yang menentang amalan-amalan rasuah, negara kita mempunyai Biro Siasatan Nasional dan kadangkala kita baca di dalam suratkhbar di mana ketua-ketua jabatan-jabatan meminta pegawai-pegawai mereka supaya mengisytiharkan harta benda. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa rasuah di Malaysia sedang menjadi-jadi di mana ramai ahli-ahli politik peringkat atasan dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan mempunyai harta benda dan wang yang di-accounted.

Di Malaysia masalah yang dihadapi bukanlah masalah rasuah di peringkat ikan bilis tetapi masalah rasuah di tempat-tempat atasan dan di tempat-tempat atas awam. Dalam pandangan saya satu peperangan yang berkesan menentang rasuah di negara ini tidak akan berkesan kecuali terdapat pimpinan politik yang jujur dan tidak berasuah di mana setiap pemimpin politik mesti benarkan diri mereka discrutinize oleh orang ramai dan juga beri sebab-sebab bagaimana ia dapat mengumpulkan harta benda dan wang supaya menunjukkan bahawa ia tidak menyalahgunakan kedudukan politik atau awamnya untuk tujuan mengumpulkan kekayaan untuk dirinya sendiri.

Memang benar adalah mustahil untuk menentukan bahawa setiap pemimpin politik samada beliau itu seorang Menteri atau seorang Ahli Parlimen tidak berasuah tetapi kita mesti mempunyai mekanika yang memuaskan untuk mengusirkan Menteri-menteri atau Ahl-ahli Parlimen yang menggunakan kedudukan politik mereka untuk mengkayakan diri mereka sendiri.

Rasuah politik mengambil beberapa rupa dan mempunyai beberapa sebab. Umpamanya, pemberian tahunan sebanyak \$100,000 kepada setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk mengadakan projek-projek kecil di kawasan-kawasan mereka merupakan sejenis rasuah politik. Tetapi Kerajaan tidak mengiktirafkan rupa rasuah politik ini dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan

mempunyai "moral blind-spot" yang mencegahnya dari menentukan apakah itu yang betul dari segi moral dan apakah itu yang salah dari segi moral.

Rasuah politik akan terus menjadi satu masalah yang serius selagi politik dianggap sebagai satu "short-cut" ke arah mengumpulkan kekayaan dan bukan dianggap sebagai satu jenis perkhidmatan dan dedikasi kepada negara dan rakyat.

Majallah *Far Eastern Economic Review* dalam keluarannya bertarikh 6hb Oktober telah memuatkan satu rencana yang mengatakan bagaimana sekim Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memperluaskan pemilikan saham-saham di kalangan bumiputra telah digunakan oleh pemimpin-pemimpin politik UMNO yang berpengaruh termasuk Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk membeli saham-saham dengan harga yang sangat rendah dan mereka ini menjadi kaya dengan sekelip mata dan ini adalah bertentangan dengan peraturan-peraturan Kementerian Perusahaan dan Perdagangan. Dua perkara mengenai saham-saham yang diperiksa oleh majallah tersebut ialah The East Asiatic Company (Malaysia) dan Kuala Lumpur-Kepong (K.L.K.). Umpamanya, keuntungan buku yang terakru yang didapati oleh golongan pemegang-pemegang saham yang berpengaruh ini telah sampai \$1 juta ringgit dalam masa sebulan ketika saham-saham K.L.K. dijual dalam bulan Mei ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, di bawah Peraturan 49 (1), jangan beri detail, beri perkara yang besar dan sebab-sebabnya, objek—tujuan mengadakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya akan beri ciri-ciri yang besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ciri-ciri tidak boleh. Perkara yang besar, ciri tidak boleh. Kalau ciri saya tahan, saya tidak benarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kian hari politik adalah dikaitkan dengan wang sehingga politik wang telah menjadi satu perkembangan yang tidak sihat kerana ia mengorapkan politik dan ahli-ahli politik.

Apabila saya melawat negeri Sabah pada bulan Februari dan Negeri Sarawak pada bulan lalu, saya telah sedar tentang kuasa merebak wang di dalam politik atau persuasive influence of money dalam politik. Sungguhpun undang-undang pilihanraya menghadkan perbelanjaan pilihanraya kepada \$20,000 untuk setiap kawasan Parlimen, saya ingat tidak ada seorangpun calon Barisan Nasional yang telah membelanja kurang daripada \$20,000 itu. Di negeri Sarawak, belanja pilihanraya yang "average" bagi seorang calon Barisan Nasional adalah dalam lingkungan \$200,000 hingga \$300,000. Saya difahamkan terdapat seorang calon Parlimen Barisan Nasional yang bertanding untuk merebut kembali kerusinya membelanja sebanyak \$1.5 juta.

Apabila begitu banyak wang telah dibelanjakan oleh seseorang untuk dipilih, kita dapat menimbulkan apakah menjadi perkara "at issue": wang atau politik? Mereka yang belanja begitu banyak wang supaya mereka terpilih di dalam pilihanraya bukan sahaja akan menghabiskan masa mereka berkhidmat itu untuk mendapatkan balik wang yang dibelanjakan oleh mereka itu tetapi juga akan mengumpulkan keuntungan-keuntungan beberapa kali ganda. Mereka akan lebih berminat menggunakan kedudukan terpilih itu untuk mendapatkan tanah, konsensi-konsensi balak, pemit-emit, lesen-lesen, saham-saham yang "under-priced" . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah detail. Ini macam Ucapan Tangguhan. Ahli Yang Berhormat hendak gunakan Peraturan Mesyuarat 49 (1) ini, tidak bolehlah diabused. Tidak boleh gunakan 49 (1) ini. Itu sudah jelas. Perkara yang mustahak dan yang besar sahaja. Apa tujuan dan apa perkara besarnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya terangkan tujuan kenapa saya mahu kemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi ini sudah detail. Saya tidak benarkan dan tidak boleh. Ini sudah abuse fasal ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu Dewan supaya memahami mengapa saya mahu kemukakan satu Rang Undang-undang private ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi Dewan ini juga tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat. Only features yang besar sahaja, leading features.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

Tuan Yang di-Pertua, cara yang paling berkesan untuk mencegah pengkhianatan kepentingan awam ialah untuk mengadakan satu undang-undang yang akan menghendaki setiap orang Menteri dan Ahli-ahli Parlimen mengisytiharkan harta benda mereka dan juga harta benda kepunyaan keluarga mereka.

Sungguhpun sekarang Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha parlimen dikehendaki mengisytiharkan hartabenda kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tatkala mereka memegang jawatan, perbuatan ini adalah tidak memuaskan sepertimana dibuktikan oleh hakikat bahawa rakyat adalah tidak diyakinkan bahawa setiap anggota Kabinet boleh menerangkan dari mana dan bagaimana kekayaan dan hartabenda mereka itu dikumpulkan.

Satu undang-undang yang menghendaki perisytiharan tahunan dibuatkan secara umum oleh Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen merupakan satu "precondition" ke arah sebuah Kerajaan yang bersih, jujur dan tidak berasuah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, rasuah telah menumbangkan beberapa negara dan juga telah merosotkan beberapa masyarakat. Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas Parlimen untuk menentukan bahawa negara kita terjamin dari malapetaka ini dan oleh demikian memperbuatkan undang-undang yang akan memastikan dengan beberapa daya yang boleh bahawa pemimpin-pemimpin politik kanan kita adalah orang-orang yang jujur dan tidak berasuah—bahawa mereka bukan sahaja jujur dan tidak berasuah bahkan juga boleh dilihat dan diperiksa oleh orang ramai mengenai hartabenda mereka supaya menunjukkan kejujuran dan sifat tidak berasuah mereka itu.

Dengan itu, saya memperakukan usul ini untuk diterima oleh Dewan ini.

3.44 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh rakan saya dari Petaling. Rasuah sedang menjadi satu cara hidup di negeri ini dan jika trend ini tidak dihentikan sekarang juga maka apa yang sedang berlaku di negara-negara jiran akan juga berlaku di sini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mencukupi untuk pemimpin-pemimpin Kerajaan untuk menyatakan bahawa mereka menentang rasuah. Kenyataan-kenyataan seperti ini telahpun dibuat sejak beberapa tahun ini, tetapi keadaan rasuah di negar ini masih sedang bertambah buruk. Rasuah tidak dihapuskan selagi rakyat mempercayai bahawa rasuah wujud di tempat-tempat atasan. Adalah amat perlu bagi pemimpin-pemimpin Kerajaan untuk bukan sahaja mengatakan bahawa mereka menentang rasuah, tetapi mereka harus mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyakinkan rakyat bahawa mereka benar-benar serius apabila mereka mengatakan bahawa mereka menentang rasuah di negara ini. Rakyat hanya boleh diyakinkan tentang kejujuran pemimpin-pemimpin Kerajaan menentang rasuah apabila Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen dikehendaki mengisytiharkan hartabenda mereka supaya orang-orang awam memeriksa sumber-sumber pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

3.46 ptg.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang telah membawa satu usul yang sudah tentu didorong oleh perasaan tanggungjawab dan hati murninya ingin melihat supaya negara kita ini terpelihara daripada rasuah. Usul ini ditujukan sebenarnya kepada ahli-ahli politik walaupun Ahli Yang Berhormat sendiri pun membuat pengakuan iaitu bukan ahli politik sahaja yang terlibat dengan rasuah, tetapi pegawai-pegawai juga terlibat dengan rasuah. Ada kalanya pegawai-pegawai dikehendaki

membuat pengisytiharan bukan secara umum, tetapi kepada ketua-ketua jabatan masing-masing. Pegawai-pegawai tidak dikehendaki membuat pengisytiharan umum seperti yang dikehendaki di dalam usul ini.

Di dalam usul ini, Ahli Yang Berhormat ingin melihat supaya Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen mengisytiharkan secara umum hartanya dan usul ini dibuat dengan kerana kepercayaan bahawa dengan diisytiharkan hartanya maka dengan serta-merta rasuah akan hilang. Kerajaan juga ingin melihat supaya tidak ada rasuah dalam negara kita ini, tetapi yang bezanya antara penendirian Kerajaan dengan Ahli Yang Berhormat ialah Kerajaan tidak percaya bahawa dengan pengisytiharan harta oleh Menteri dan Ahli Parlimen maka rasuah akan hilang. Sebabnya mudah sahaja. Tuan Yang di-Pertua, amatlah mudah bagi seseorang memberi hartanya kepada orang lain buat sementara supaya ianya tidak terlibat dengan rasuah yang diterima. Dengan cara ini maka mungkin apa yang diisytihar olehnya amat sedikit, tetapi sebenarnya itu merupakan puncak kepada iceberg sahaja yang banyak lagi sudah dihilangkan dengan kerana diberi nama kepada orang lain. Jadi, dengan diadakan pengisytiharan umum ini tidak bermakna bahawa rasuah akan hilang, bahkan mungkin rasuah akan bertambah kerana akan ada orang-orang yang boleh menjadi "pak sanggup" supaya digunakan nama mereka untuk memiliki harta. Perkara ini terjadi umpamanya bila kita mengadakan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu yang mana tanah itu namanya Melayu, tetapi dimiliki oleh orang asing. Ini semua boleh dibuat kalau ada minat dan kalau Ahli-ahli Dewan ini dan Menteri-menteri berminat untuk berasuah, pengisytiharan ini tidak bermakna sama sekali kerana kita masih boleh membuat rasuah. Sebenarnya dengan kerana kita tidak suka kepada rasuah, kita juga ada cara-cara mengatasinya dan cara-cara yang terbesar sekali bergantung kepada dua perkara.

Yang pertamanya, ada undang-undang anti-rasuah dalam negara kita ini dan undang-undang ini bukan dibuat dan ditulis semata-mata untuk keelokan negara, tetapi sebenarnya dipergunakan.

Ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa beberapa orang Menteri Kerajaan dan Menteri-menteri di dalam Kerajaan-

kerajaan Negeri yang tersingkir kerana tuduhan-tuduhan rasuah. Itu menunjukkan sikap Kerajaan yang ada sekarang ini, Kerajaan yang memerintah negara kita ini sejak 21 tahun kita merdeka tidak pernah lari dari tanggungjawab untuk membasmi rasuah, walaupun rasuah ini berlaku di kalangan ahli-ahlinya sendiri, di kalangan pemimpin-pemimpin tertingginya. Kita tidak lari daripada tanggungjawab ini. Kalau kita dapati ada tuduhan bahawa Menteri itu atau Menteri ini terlibat dengan rasuah, maka tindakan akan diambil, tetapi ianya mestilah rasuah yang sebenarnya. Ada kalanya tuduhan dibuat secara begitu sahaja oleh orang lain ataupun parti Pembangkang terhadap Menteri-menteri. Tuduhan-tuduhan yang tidak berasas semata-mata untuk memburukkan peribadi Menteri itu supaya ianya kalah dalam pilihanraya, umpamanya. Satu daripada tuduhan ini ialah berkenaan dengan saham yang diberi kononnya kepada Menteri-menteri. Saya tahu ada Menteri yang mendapat saham. Bukan semasa saya menjadi Menteri Perdagangan. Sekarang ini saya hentikan semua sekali, termasuk ahli Pembangkang pun tak dapat. Kalau hendak beri saham secara rasuah, sekurang-kurangnya \$1 juta, barulah padan dengan Menteri. \$5,000 tak sampai pun satu setengah bulan gajinya, hendak buat apa. Itu bukan rasuah, dan ahli-ahli UMNO ada juga yang terima saham-saham ini. Ini tak mungkin dielakkan kerana ahli UMNO ada 600,000 orang terdapat dalam negara kita ini. Kalau kita berjalan di jalanraya dan merempuh satu orang, tetap dalam sepanjang perjalanan itu merempuh dengan orang UMNO sahaja. Jadi macam mana saya hendak mengelak daripada memberi ahli UMNO saham-saham itu. Ini bukan rasuah. Ini perkara yang tidak dapat dielakkan dan kalau kita katakan rasuah maka rasuah mestilah merupakan satu penyalahgunaan kuasa secara yang berpatutan sama dengan peringkat orang yang terlibat. Kalau Menteri dapat \$1 juta, saya fikir hari ini dia ada di dalam, bukan di luar dan kita biasa mengambil tindakan ini, kalau Ahli Yang Berhormat berfikir benar-benar.

Saya berharap tentang allegation yang lain yang dibuat, kalau benar, saya fikir lebih baiklah dibuat allegation itu melalui undang-undang yang sedia ada, kerana allegation itu tidak patut dibuat secara umum

dan memburukkan nama orang tanpa keterangan-keterangan yang jelas. Kerajaan ini akan menerima segala allegation yang dibuat terhadap Menteri-menterinya dan jika didapati mereka itu menyalahi undang-undang rasuah, maka tindakan akan diambil. Kita tidak melindungi orang yang salah walaupun di kalangan kawan-kawan kita dan ini adalah jelas sejak 21 tahun Kerajaan ini memerintah di dalam negara kita. Ini satu cara membasmi rasuah.

Cara yang kedua membasmi rasuah di kalangan ahli-ahli politik ialah pilihanraya. Ahli-ahli politik ini bukan permanent. Mereka ini dipilih setiap 5 tahun sekali. Kalau kelakuan mereka tidak baik di dalam pilihanraya, mudah sahaja kelakuan itu didedahkan kepada orang ramai dan orang ramai tidak akan memilih orang yang terlibat dengan rasuah, tetapi sehingga ini kejadian yang semacam ini tidak berlaku dengan kerana ahli-ahli daripada pihak Kerajaan tahu benar bahawa kalau mereka membuat sesuatu yang bercanggah dengan kehendak orang ramai, mereka tidak akan dipilih, bahkan mungkin tidak akan dipilih oleh parti mereka sendiri. Sebab itu kita dapati bahawa rasuah tidak mudah berlaku, kerana ianya tidak akan lama di meja hadapan ini, kalau ianya terlibat dengan rasuah. Jadi pihak rakyat juga menjadi hakim yang boleh menentukan supaya rasuah tidak berlaku di kalangan Menteri-menteri ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat ini kerana mereka akan dihakamkan 5 tahun sekali. Yang menjadi masalah ialah kadangkala walaupun mereka tidak terlibat dengan rasuah, ada juga tuduhan-tuduhan yang dilemparkan di waktu pilihanraya, tetapi secara sembunyi tangan dengan tidak menterangkan sesiapa yang melemparkan tuduhan-tuduhan itu. Tetapi kita yakin rakyat tahu apa yang rakyat kehendaki, rakyat berkehendakkan supaya diadakan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan bebas daripada rasuah. Dengan sebab itulah rakyat telah memilih orang-orang yang sekarang ini memimpin negara.

Rakyat negara kita ini bukan seperti rakyat di negara lain walaupun mendapat peluang mengambil bahagian dalam pilihanraya tetapi cuma boleh pilih satu parti sahaja. Rakyat di dalam negara kita ini kalau tak suka kepada parti Kerajaan boleh pilih parti Pembangkang dan memang pun

ada ahli-ahli parti Pembangkang yang telah pun dipilih. Kalaulah Menteri-menteri dan ahli-ahli daripada parti Kerajaan ini terlibat dengan rasuah, maka sudah tentu parti Pembangkang yang akan duduk di sebelah sini, tetapi sudah 21 tahun dan 5 kali pilihanraya belum lagi sampai (*Tepuk*) walaupun tidak begitu jauh daripada sana ke sini sahaja. Ini menunjukkan bahawa ada safety-valve, ada caranya untuk menentukan bahawa rasuah tidak berlaku di dalam negara kita ini, kerana kita dihakamkan oleh rakyat dan cara ini telah pun berkesan di dalam negara kita ini. Kalau kita perhatikan negara-negara lain yang demokratik juga tidak berkehendakkan supaya diisytiharkan harta Menteri-menteri dan Ahli-ahli Dewan Undangan mereka, kerana cara ini tidak mungkin berkesan. Yang lebih berkesan ialah sikap kejujuran Kerajaan. Kalau Kerajaan itu jujur, maka undang-undang akan berjalan. Kalau Kerajaan itu tidak jujur, walaupun ianya terpaksa mengisytiharkan hartanya, itu tidak akan membawa kesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa usul ini tidak ada nilainya (value) yang tinggi dan tidak akan membawa menafaat apa-apa selain daripada mungkin dipergunakan di dalam pilihanraya, tetapi selain daripada itu, saya nampak tidak ada sesuatu kesan yang baik yang boleh menghilangkan rasuah di dalam negara kita ini. Yang boleh menghilangkan rasuah di dalam negara kita ini ialah undang-undang yang sedia ada, undang-undang yang diuruskan oleh sebuah Kerajaan yang lurus seperti yang ada sekarang ini. Selagi Kerajaan ini ada memerintah di dalam negara kita ini, saya yakin bahawa rasuah yang dijangka oleh Ahli Yang Berhormat, kalau berlaku, tindakan akan dapat diambil, tetapi kalau Kerajaan ini tidak memerintah, saya tidak dapatlah memberikan jaminan. Oleh itu, saya mengusulkan supaya Usul ini ditolak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah usul ini, bercakap kali yang kedua tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya mahu gulung sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada, tak boleh gulung. Yang ini tidak boleh gulung.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Pengerusi bercakap, duduk. Gulung, kalau usul ini seperti usul biasa, itu boleh—itu dibuka untuk perbahasan. Kalau ikut di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (3) (c) itu kalau dibahas, baharu ada pihak pencadang meng-golong lagi. Ini kalau lulus pun disifatkan sebagai first reading sahaja—bacaan kali pertama. Jadi, dengan sebab itu saya memberi keputusan mengikut Peraturan 99, saya putuskan tidak boleh gulung lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bacakan fasal 99:

“99. Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman . . . . .”

Saya kata “kelaziman”, dahulu saya sudah cakapkan.

“ . . . . . adalah muktamat kecuali jika ada usul bersendirian menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara-perkara ini.”

Ini saya sudah katakan dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Sebelum satu keputusan dibuat, bolehkah saya dibenarkan memberi sedikit hujah-hujah kenapa mengikut kelaziman dalam usul semacam ini di mana perbahasan dipengerusikan oleh Yang di-Pertua sendiri dalam persidangan ini di mana saya dibenarkan menggulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Saya sudah katakan dahulu. Saya benarkan sekali sahaja dahulu kerana soal hendak meminda Akta Universiti dan Akta Universiti Kolej. Akta itu yang saya kata terlalu penting, tak apa, saya benar dibahaskan dan pihak Kerajaan juga meminta supaya biarlah dibahaskan. Dengan sebab itu saya benarkan dan saya ulang banyak kali. Kalau baca *Hansard* yang ini saya benarkan, tetapi lazimnya di bawah Fasal 49 (1) tidak ada perbahasan,

kalau tidak ada bahasan, tidak adalah pihak-pencadang menggulung kali kedua seperti juga dalam Fasal 35 (3) yang berbunyi:

“35 (3) Seseorang ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam sesuatu masalah kecuali—

(c) kerana menjawab kepada hujah-hujah yang dikeluarkan di dalam perbahasan iaitu bagi pencadang sesuatu usul bersendirian.”

Ini tidak ada perbahasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Yang pertama, adakah ini satu jenis usul. Yang kedua, adakah pertanyaan atau ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan bererti satu perbahasan telah diadakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia menjawab dari pihak Kerajaan, oleh sebab Yang Berhormat sudah bercakap mengemukakan usul ini. Kalau Kerajaan tidak bercakap—salah juga, tidak memberi penjelasan. Jadi pihak Kerajaan sudah memberi penjelasan. Itu ketetapan saya mengikut Peraturan Mesyuarat 99—itu ruling saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Division diadakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila bangun yang menyokong hendakkan division.

(*Kurang dari 15 Ahli-ahli bangun*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Ke bawah Dulj Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun

mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima." (17hb Oktober, 1978).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya hari ini sebagaimana saya jelaskan beberapa hari yang lalu sepatutnya Yang Berhormat Menteri-menteri mula menjawab dari sekarang, tetapi saya telah minta supaya Menteri-menteri menjawab lewat sedikit hari ini, sebab Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan esok satu hari untuk Menteri-menteri menjawab dan Menteri-menteri telah bersetuju supaya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bercakap lebih ramai lagi. Jadi, saya percaya dengan lanjutan masa ini juga masih ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak akan berpeluang bercakap dalam usul menjunjung kasih kepada Titah Ucapan.

Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat peluang bercakap pada kali ini, saya catitkan di sini dan akan diberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bercakap dalam masa membahaskan Belanjawan nanti. Saya akan beri peluang kerana saya ada catitkan di sini siapa yang sudah bercakap, berapa minit bercakap, semua ada saya catitkan. Jadi, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat peluang bercakap pada kali ini, saya akan beri keutamaan terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum memberikan ucapan sulungnya, itu saya utamakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama diharaplah beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum membuat ucapan sulungnya. Ini penjelasan saya. Saya akan benarkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap sehingga pukul 6.30 petang. Jadi, Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab selepas pukul 6.30 petang. Ada dua orang Yang Berhormat Menteri hendak menjawab. Yang Berhormat Menteri semua beralah hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat mengambil bahagian di dalam perbincangan ini.

Pada masa ditangguhkan Dewan ini petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam sudah bercakap 6 minit, jadi ada 14 minit lagi, kalau suka hendak menyambung ucapannya. Sila Yang Berhormat.

4.08 ptg.

**Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan saya semalam mengenai usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyetujui masalah belia. Di mana-mana pun dunia ini masalah belia dan pengangguran adalah hampir serupa iaitu sangat mendesak dan perlu sangat dapat diatasi, tidak terkecuali negara kita ini pun banyak belia-belia kita yang tidak dapat peluang bekerja, kadang-kadang adapun kerja tetapi tidak sesuai atau tidak menarik minat mereka. Oleh kerana menganggur tidak ada kerja, timbullah perasaan putus asa dan kosong jiwa, maka menjadikan mereka itu hanya melakukan perkara jenayah, menghisap dadah dan lain-lain yang seumpama itu. Saya harap dapat kiranya Kerajaan menghantar dengan lebih ramai lagi belia-belia kita berkursus di luar negeri bagi mempelajari beberapa bidang kemahiran kerja, seperti cara memelihara kambing di Australia, mengikuti cara membuat pinggan mangkok di negeri Jepun, membuat motokar di negeri Jerman, membuat kapal atau bot di United Kingdom misalnya, di Amerika Syarikat dalam bengkel membuat kapal-terbang, kursus menjalankan proses minyak di Saudi Arabia atau di Kuwait dan sebagainya dan lain-lain yang seumpama itu pergi ke negeri itu secara tertentu atau pegawai tetap secara buruh dan bekerja sambil mencari pengalaman. Apabila mereka balik ke negeri kita mereka telah ada pengalaman-pengalaman maka mereka bolehlah membuat pula di tanahairnya sendiri sekurang-kurangnya jadi pekerja mahir walaupun tidak jadi tuan ataupun taukeh dalam perusahaan itu. Kita banyak menghantar belia ke luar negeri semuanya untuk menjadi orang cerdikpandai dan orang atasan sahaja. Akhirnya kita takut banyak jurutera, buruh mahir tiada.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu boleh juga belia-belia ini diberi rancangan tanah berkelompok secara besar-besaran, katakanlah umpamanya 1,000 ekar masukkan belia-belia yang tiada kerja itu meneroka dan diberi gaji buat seperti pentadbiran estet, dikawal oleh manager dan penolong-penolong manager yang berkelulusan Universiti Pertanian umpamanya, buatlah rumah yang sempurna, sediakan klinik, padang permainan dan lain-lain kemudahan. Akhirnya ladang itu bolehlah diserahkan kepada mereka ataupun jadi milik badan-badan berkanun kerajaan, terpujulah mengikut keadaan yang lebih sesuai. Mudah-mudahan perkara yang saya sebutkan ini akan termasuk juga dalam rancangan dasar pertanian baru yang akan dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit perkara mengenai persekolahan iaitu mengenai pelajaran jawi di sekolah. Pelajaran jawi di sekolah patutlah disusun pengajarannya dengan lebih baik. Pada masa ini guru agama mengajar jawi, guru biasa pun mengajar jawi, ejaannya tidak sama, cara mengajarnya pun tidak sama. Jadi dengan kerana itu tentulah bukan sahaja murid yang akan keliru tetapi juga orang dewasa dan pembaca-pembaca akan keliru. Oleh itu saya berharap kiranya dapat Kerajaan membuat kajian menentukan cara sistem ejaan jawi ini. Kalau susah sangat, ikut sahajalah ejaan cara ZA'BA yang lalu. Tulisan jawi ini Tuan Yang di-Pertua, sangat penting bagi orang Melayu, sama pentingnya dengan tulisan China bagi orang China dan tulisan Tamil bagi orang India.

Selain daripada itu sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai sukan di sekolah. Sukan di sekolah pada masa ini nampaknya terlalu banyak kegiatannya. Walaupun kita faham tujuan kegiatan sukan itu iaitu untuk kesihatan dan juga untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam segi sukan dan olahraga pada masa akan datang. Namun begitu, kalau sudah keterlaluan maka sudah menjadi halangan dan boleh melemahkan pelajaran di sekolah. Sekolah pula terpaksa mencari wang yang banyak kerana belanja-belanja sukan. Latihan-latihan yang berlebihan selalu mengganggu jadual waktu pelajaran. Persediaan-persediaan sukan yang berlebihan boleh mengganggu kerja seseorang guru dari membuat

kerja-kerja yang lebih penting seperti mengajar, memeriksa buku murid dan membuat persediaan untuk mengajar.

4.15 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan menyokong Ucapan Junjung Kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, izinkanlah saya menimbulkan beberapa perkara yang telahpun disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan beberapa perkara yang telah berlaku di kalangan pemimpin, masyarakat dan rakyat seluruhnya baik di dalam bandar mahupun di luar bandar sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila selesai sahaja pilihanraya umum, masih kedapatan dan masih kedengaran di telinga kita bahawa ada pemimpin-pemimpin menyampaikan kepada rakyat dan mempersoalkan tentang tidak puashatinya terhadap kebenaran dan keluhuran tugas Suruhanjaya Pilihanraya dalam menjalankan tugas-tugas dan kewajibannya serta tanggungjawab mereka terhadap negara. Saya rasa kematangan dan pengalaman pegawai-pegawai dan kakitangan pilihanraya dalam menjalankan enam kali pilihanraya dalam jangka masa suku abad itu sudahpun cukup dan membuktikan kepada kita kecekapan terhadap tugas negara ini. Tuduhan-tuduhan terhadap Suruhanjaya ini merupakan tindakan untuk melepaskan perasaan kekecewaan dan kehampaan golongan tersebut kerana tidak mendapat kepercayaan daripada rakyat. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya ini dengan kecekapan yang tinggi telah berjaya menjalankan tugas yang cemerlang terhadap rakyat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan kita selepas pilihanraya ini telah timbul perpecahan di dalam masyarakat kita sekarang. Perkara ini berlaku baik di kampung atau di luar bandar mahupun di dalam bandar. Ini akan menghampakan harapan negara kita untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat. Di luar bandar issue-issue agama dipergunakan dan diperalatkan oleh setengah-setengah golongan pemimpin untuk mencapai maksud politik mereka. Apabila

ugama diperalatkan untuk tujuan politik; terutama ugama Islam, maka akan rosaklah keyakinan atau iktikad rakyat terhadap ugama itu. Kepercayaan atau akidah rakyat terhadap Islam sebagai satu ugama telah dipesongkan, menjadikan rakyat akan mengutamakan kata-kata atau hukum-hukum yang dikeluarkan oleh pemimpin politik yang berubah-ubah dari masa ke semasa dengan tujuan politik mereka. Kesalahan ini bukan terletak kepada rakyat tetapi kepada tokoh-tokoh pemimpin yang tidak bertanggungjawab mempermainkan Quran dan Hadith dengan tafsiran yang bebas, akibatnya memecah-belahkan masyarakat terutama masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, daripada gejala inilah timbulnya pulau-memulau di dalam masyarakat Islam kita, mereka masih lagi bermain politik, berpecah-pecah, berpuak-puak dan berlawan-lawan di antara satu sama lain. Perbuatan ini seolah-olah satu arahan yang menyeluruh supaya rakyat berpecah, berkelahi, berbalah dan menebalkan perasaan benci membenci bagi tujuan menjaga dan mengawal pengaruhnya supaya jangan lari ke pihak yang lain atau menyokong pemerintahan yang ada sekarang. Setidak-tidaknya dalam jangka masa lima tahun akan datang ini supaya tidak menemui kehancuran yang cepat dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya rakyat dan masyarakat kampung yang tidak faham akan tipu helah politik ini akan rugi dan menerima akibat serta hidup di dalam keadaan prasangka yang akan menyuburkan perbuatan jahat dan khianat-mengkhianati.

Menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa terhadap perkauman dalam Barisan Nasional, saya tidak mahu menafikan perkara ini timbul. Ini adalah mengikut tafsiran masing-masing. Pada hakikatnya semua kita tahu bahawa parti-parti politik yang lahir di tanahair kita ini adalah berasaskan kepada kaum. Tiap-tiap parti baik UMNO, MCA, MIC, lebih-lebih lagi DAP dan PAS yang tertubuh di atas dasar kaum dan kepentingan kaum masing-masing. Tetapi perkauman dalam Barisan Nasional berlainan dengan perkauman yang dibawa oleh DAP dan PAS. Perbezaan ini amat jauh sekali. Parti dalam Barisan Nasional di samping memperjuangkan hasrat kaum dan kepentingan kaum masing-masing, mereka tetap memperhitungkan keluhuran

Perlembagaan yang telah dipersetujui dan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan serta menjamin keamanan negara agar tidak menyentuh kaum-kaum lain, lebh-lebih lagi untuk tidak berkecil hati dan menyentuh perasaan mana-mana pihak. Tetapi DAP dan PAS apabila kembali kepada masyarakatnya mereka menyalakan api perkauman yang bisa sekali.

DAP memperjuangkan hasrat kaum China seolah-olah negeri ini negeri China. Begitu jugalah PAS menggunakan perkauman seolah-olah negara ini tidak ada langsung kaum China dan India. Ini terbukti dalam pilihanraya umum khasnya pilihanraya kecil negeri Kelantan. Issue yang besar dibawa oleh PAS ialah perkauman. Kononnya negeri Kelantan akan dibanjiri oleh kaum China dan babi-babi akan berkeliaran dalam bandar apabila Barisan Nasional memerintah di Kelantan dan banyak lagi issue-issue perkauman yang digunakan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa lagi ialah yang paling sedih beliau menyamakan Islam dengan nasionalis dan sosialis sebagai satu dasar dan fahaman politik bagi parti-parti politik negara ini. Dengan lain perkataan, beliau dan pemimpin-pemimpin mereka menganggap Islam sebagai satu idealoji atau sebagai satu fahaman politik yang sama dengan nasionalisma dan sosialisma dan mungkin juga dengan kominisma yang dibawa oleh Karl-Marx dan Lenin. Ini adalah satu penyelewengan yang besar terhadap Islam sebagai satu ugama Allah.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Islam itu satu ugama Allah yang diturunkan oleh Allah Subhanahu wataala melalui RasulNya yang berasaskan iman dan rohaniah, ajaran yang tersimpul di dalam Quran dan Hadis. Jadi Islam bukanlah satu fahaman politik atau idealoji politik yang kita samakan dengan pemikiran manusia atau samakan dengan ciptaan manusia. Kita orang-orang Islam tidak mahu mempergunakan Islam yang berdasarkan Quran dan Hadis untuk menjadi alat mencapai maksud politik, tetapi mempergunakan politik sebagai satu alat bagi mencapai matlamat Islam yang berdasarkan Quran dan Hadis dan meletakkan Islam di satu tempat yang suci dan tinggi. Quran dan Hadis atau ayat-ayat yang tersimpul di dalamnya tidak pernah berubah-ubah semenjak 13 abad yang lampau

dan boleh dipermain-mainkan bagi tujuan atau matlamat politik sebagaimana yang dibawa oleh pemimpin PAS ke dalam masyarakat kita dalam soal kafir, syirik, kufur, murtad dan soal-soal selepas mati dan sebagainya yang benar-benar telah memecah-belahkan masyarakat luar bandar.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan memikir untuk mengharamkan nama agama daripada dijadikan sebagai nama parti politik, kerana ini boleh mengelirukan orang-orang beragama dengan merosakkan iktikad dan akidah orang-orang yang beragama seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di bandar-bandar issue perkauman dan bangsa dipergunakan dan diperalatkan dengan tujuan politik mereka. Issue-issue sensitif yang menguntungkan satu kaum sahaja dipergunakan tanpa memperhitungkan perpaduan, keselamatan negara dan rakyat peribumi. Itulah timbulnya untuk menubuhkan Universiti Merdeka, bahasa penghantarnya bahasa China yang menyalahi Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Cadangan DAP ini telah mencabar Perlembagaan kita dan juga telah mencabar Dasar Pelajaran Kebangsaan kita sepertilah Ahli-ahli DAP Perak mencabar taat setianya terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak di mana tempatnya berpijak walaupun mereka telah memohon maaf.

Pengajian tinggi telah lama dibolot oleh kaum bukan bumiputra hingga ke saat ini-pun kadar komposisi kaum dalam pengajian tinggi bumiputra masih ketinggalan, kerana 80% pelajar-pelajar pengajian tinggi di luar negeri di tangan kaum bukan bumiputra. Apa salahnya kalau Kerajaan memberi ketutamaan sedikit kepada bumiputra di dalam pengajian tinggi ini di tanahairnya sendiri walaupun soal ini telah dipersoalkan oleh pemimpin DAP dari Bandar Melaka.

Untuk mencapai matlamat dan Dasar Ekonomi Baru dan perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, saya mencadangkan pihak Kementerian Pelajaran tidak akan bertolak ansur lagi untuk mengubah kadar kemasukan pelajar-pelajar tinggi ke pusat pengajian tinggi tempatan sebagaimana quota yang ada sekarang ini dan juga berharap pihak Kementerian memperhebatkan lagi kempen-kempen bahasa Inggeris dan menambahkan masa jadual waktu pembelajaran bahasa tersebut kepada murid-

murid supaya mutu bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tidak terjejas dan diterima oleh pusat pengajian tinggi luar negeri secara automatik. Jika perlu menitikberatkan mata pelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang wajib.

Satu lagi ialah penolakan Kementerian Pelajaran terhadap Universiti Merdeka adalah disokong dan sebilangan besar rakyat negara ini berada di belakang Menteri Pelajaran atas segala tindakannya.

Tuan Yang di-Pertua, jenerasi baru yang baru lahir di zaman merdeka ini mereka tidak merasai pahit maungnya di zaman negara ini berada di penjajahan British dan Jepun. Mereka tidak akan faham hal politik dan sejarah serta masyarakat negara ini sekiranya mereka disogokkan dengan fahaman-fahaman asing serta mempengaruhi mereka dengan pendidikan, kebudayaan, sejarah dan cara hidup asing yang terpesong dalam pola dan ciri-ciri ke Malaysia yang akan menjejaskan cita-cita perpaduan, keamanan, kemakmuran yang diidam-idamkan oleh rakyat. Oleh itu, di samping mengenal sejarah negaranya, jenerasi baru ini mestilah disogokkan juga dengan ilmu kemasyarakatan iaitu ilmu sosial dan ilmu sivik serta ilmu pengajian tempatan yang membolehkan jenerasi baru ini mengenal masyarakatnya dan menyesuaikan diri dengan masyarakat majmuk di negara ini. Mengapa sekarang ini kita kedengaran anak-anak muda kita membawa unsur-unsur kejahatan baru dalam penghidupannya? Misalnya menyalahgunakan dadah, ponteng sekolah, tidak mendengar kata ibubapa, lari dari rumah dan sebagainya dan berani pula melakukan jenayah yang lebih besar. Ini adalah disebabkan kehampaan dan kekeciwaan jenerasi ini untuk mengejar perkembangan negara yang begitu cepat dan pemodenan masyarakat yang begitu cepat dan perubahan nilai-nilai masyarakat yang lebih mementingkan kebendaan lebih daripada segala-galanya telah berlaku dengan begitu cepat. Mereka disogokkan dengan pelajaran sains dan teknologi demi untuk kepentingan negara tanpa memperhitungkan kemampuan kanak-kanak itu sendiri. Tetapi meringan ilmu kemasyarakatan, sivik, pengajian tempatan, sejarah dan agama yang penting untuk diri mereka sendiri yang akan hidup dalam masyarakat

nanti. Maka yang berjaya mengikuti pelajaran sains dan teknologi itu kita anggapkan mereka telah berjaya menjadi jentera Kerajaan, tanpa nilai-nilai yang lain.

Bagi yang tidak berjaya yang otaknya tidak mampu menerima ke arah pelajaran sains dan teknologi akan cuba mencari jalan keluar. Mula-mula dengan ponteng sekolah, kemudian untuk menenangkan fikiran supaya melupakan masalah diri dan masalah masyarakat yang begitu kompleks itu, mereka menggunakan dadah sebagai satu jalan keluar.

Kesimpulannya saya berharap di samping Kementerian Pelajaran pentingkan pelajaran sains dan teknologi iaitu termasuk ilmu hisab untuk kepentingan negara, hendaklah juga utamakan pendidikan ilmu kemasyarakatan, ilmu sosial, sivik, pengajian tempatan, ugama dan sebagainya dengan memberi nilai-nilai yang sepatutnya. Jika perlu diadakan peperiksaan yang wajib kepada anak-anak kita sebagaimana mata pelajaran sains dan ilmu hisab supaya guru-guru akan mengajar pelajaran tersebut serupa seperti mereka mengajar pelajaran sains dan ilmu hisab juga. Jadi peperiksaan penilaian darjah lima yang betul-betul akan menilai murid-murid itu bukan sahaja dari segi sains, hisab dan bahasa sahaja tetapi dari segi pemikiran sikap anggapan murid tentang kemasyarakatan ataupun ilmu sosial yang terdapat dalam masyarakatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan pelaksanaan pembangunan negara sebagaimana disentuh dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perlaksanaan hendaklah dilakukan dengan cepat dan segera dan benar-benar boleh dirasai oleh rakyat jelata. Dalam pada itu penyediaan alat pembangunan hendaklah dibeli dan dibekalkan alat yang bermutu serta tidak cepat rosak kepada daerah-daerah untuk pembangunan daerah. Keutamaan pembangunan ini hendaklah ditumpukan ke negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan yang telah ketinggalan lebih daripada 15 tahun di dalam pembangunan, terutamanya di dalam pembangunan kemudahan-kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun disebutkan oleh Wakil dari Dungun iaitu Jurutera-jurutera serta Doktor-doktor serta pegawai-pegawai yang mahir dan dedikasi

hendaklah ditempatkan juga di sebelah Pantai Timur terutamanya Kelantan. Kerana kita tidak mahu negeri Kelantan dan juga Trengganu dijadikan tempat latihan para Jurutera dan Doktor-doktor serta pegawai-pegawai yang baharu untuk mendapatkan pengalaman dan kemahiran. Apabila pengalaman dan kemahiran mereka dapati maka mereka ditarik keluar dari negeri tersebut. Ini bermakna pelaksanaan pembangunan dan rakyat Pantai Timur dijadikan alat atau bahan untuk percubaan untuk memahirkan para Jurutera dan Doktor-doktor. Pembinaan rumah rakyat iaitu rumah harga murah di Pasir Putih yang akan dijalankan oleh Kementerian Perumahan yang dilancarkan kepada rakyat sudah 2 tahun lebih tetapi sehingga sekarang tidak pun nampak denainya.

Mengikut Komputer di Jabatan Perdana Menteri mengatakan projek ini "sedang dilaksanakan." Inilah satu contoh kelambatan pelaksanaan projek pembangunan di Pasir Putih. Begitu jugalah projek-projek di bawah Jabatan yang pelaksanaannya terlampau lambat walaupun projek itu telahpun diluluskan dua tiga tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat-rakyat miskin di kampung saya tidak pernah meminta supaya TV diwarnakan kerana tidak mampu dan pelaksanaannya akan menimbulkan masalah ekonomi dan sosial kepada rakyat. Tetapi yang mereka pentingkan dan utamakan ialah teknik persembahan dan juga rancangan TV yang menarik, yang benar-benar memberi hiburan dan pengetahuan, yang baik dengan persembahan yang bermutu kepada rakyat. Oleh itu saya mencadangkan Kementerian Penerangan membekalkan peralatan TV yang baik dan bermutu untuk melahirkan teknik yang baik dan mutu yang baik juga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keselamatan negara sekarang ini di Kelantan masih lagi kedengaran lanun-lanun mengacau dan mengganggu nelayan-nelayan kita di laut. Walaupun pihak Kementerian Pertanian berjanji untuk mengadakan helikopter bagi mengawasi nelayan dari gangguan lanun tetapi hingga sekarang masih belum dibekalkan lagi dan lanun-lanun masih bermaharajalela. Begitu jugalah pengawalan di sempadan Kelantan-Thai yang didapati banyak lorong-lorong dan jalan-jalan yang boleh dilalui oleh pelawat-pelawat haram

daripada Thailand ke Malaysia dan sebaliknya dari Malaysia ke Thailand dengan mudah tanpa ada halangan. Jadi kemudahan-kemudahan ini akan digunakan oleh penjenayah dan penjahat melarikan diri, melarikan barang-barang curi, kenderaan curi dari Malaysia ke Thailand.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya hendak mencadangkan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Oleh itu saya mencadangkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengarahkan kawalan yang lebih ketat dan jika perlu saya mencadangkan supaya diadakan pagar dan tembok di sepanjang sempadan, yang hanya tempat-tempat tertentu sahaja yang boleh keluar masuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa tinggi agak temboknya?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tidak dengar, Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau berdiri, tidak dengarlah, kena duduk.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Kira-kira tak boleh lompat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tempohkan mesyuarat selama 20 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.38 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.07 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbahasan disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

*5.07 ptg.*

**Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang

Berhormat dari Balik Pulau untuk merafakan Ucapan Menunjang Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyampaikan Titah Ucapan Baginda sempena dengan pembukaan Penggal Pertama Parlimen Kelima yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa selama 21 tahun semenjak negara mencapai kemerdekaan rakyat telah dapat menikmati dan memahami erti kemerdekaan itu dengan kemajuan yang pesat di bidang sosio-ekonomi, keselamatan sosial yang lebih terjamin serta suasana kehidupan masyarakat yang lebih berbahagia dan sempurna. Perpaduan negara, walaupun kadangkadangkang terancam oleh suasana dan fahaman-fahaman yang berbeza, tetap berdiri teguh dan kukuh malahan perhubungan di kalangan seluruh rakyat bertambah erat, dan ini memberikan erti yang lebih mendalam kepada konsep perpaduan dalam menegakkan prinsip-prinsip Rukunegara. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kita masih menyedari hakikat bahawa matlamat dan objektif negara masih belum tercapai; bahawa kemiskinan dan kemunduran masih berada di sisi kita, bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru masih perlu diperjuangkan dengan sepenuh jiwa raga dan bahawa struktur dan organisasi masyarakat Malaysia masih perlu disusun semula dengan lebih teratur demi untuk melahirkan satu rupa bahasa dan negara yang benar-benar bersatu-padu dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita adalah besar sebagaimana besarnya juga tugas dan tanggungjawab kita untuk memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang lebih tinggi. Justru itu untuk sekian kalinya kita ingin menegaskan bahawa segala tindak-laku dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab dari mana-mana pihak yang cuba untuk menghalang segala usaha kita bagi memenuhi cita-cita rakyat itu akan ditentang habis-habisan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menekankan keupayaan Kerajaan bagi memperbaiki taraf hidup rakyat negara ini terutama bagi mengadakan peluang-peluang yang lebih untuk meningkatkan taraf hidup golongan-golongan yang

miskin. Di dalam hal ini, sukaulah saya menyentuh beberapa perkara yang sekarang ini dianggap terpenting dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi. Dari segi pembentukan dan pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara maka pada pendapat saya dua prinsip yang mesti menjadi amalan semua pihak-pihak yang terlibat ialah pertamanya dasar itu hendaklah menuju kepada matlamat menambahkan dan meningkatkan pendapatan golongan rakyat yang tidak berada dan miskin dan keduanya bahawa dasar itu hendaklah memberikan peluang-peluang yang lebih banyak untuk menambahkan dan mengujudkan pekerjaan di semua bidang Dasar pekerjaan dan pendapatan ini (employment and income policy) perlulah menjadi garis utama di dalam segala pelaksanaan projek-projek pembangunan lebih-lebih lagi di bidang-bidang di mana segolongan besar rakyat menumpukan kehidupan mereka. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang sentiasa menyedari hakikat ini. Namun begitu adalah tidak dapat dinafikan bahawa masih kedengaran rintihan dari rakyat yang memerlukan supaya tindakan yang lebih berkesan serta pelaksanaan yang lebih meluas dijalankan bagi menentukan bahawa segala rancangan dan usaha pemerintah akan menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi untuk golongan-golongan miskin di kalangan petani-petani, nelayan-nelayan, penoreh-penoreh getah, penanam-penanam kelapa, pesawah-pesawah dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu dasar pertanian negara yang baru sememangnya perlu digubal walaupun saya rasakan ini sudah agak terlewat sedikit. Namun begitu, dasar ini perlu diujudkan untuk diubahsuai dengan konsep permodenan dan yang ini juga perlu memperincikan program-program untuk meliputi semua bidang pertanian supaya suatu penvelarasan perkembangan sektor ini dapat dilahirkan menuju kepada matlamat pembangunan negara yang lebih seimbang dan stabil. Kita berharap setelah jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi menggubal dasar tersebut selesai menjalankan tugas mereka, maka satu laporan yang lengkap akan dapat dikemukakan untuk pengetahuan semua rakyat dan juga dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pertanian telah dan akan buat

sekian lamanya menjadi asas kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara ini. Maka itu dasar yang konkrit perlulah digubal selaras dengan matlamat dan objektif pembangunan negara. Di dalam hal ini kita haruslah mengambil iktibar dari sejarah negara kita terutama dari segi perkembangan ekonominya. Sudah sekian lama perusahaan getah telah menjadi satu bidang pertanian yang paling progresif dan walaupun pergolakan dan perkembangan ekonomi dunia tiada siapa yang dapat menafikan bahawa perusahaan getah telah dapat mengatasi ketidakstabilan dan pergolakan ekonomi dan menempatkan Malaysia sebagai pengeluar getah yang terbesar di dunia. Oleh yang demikian, saya berpendapat di dalam menggubal dan merangka dasar pertanian negara, pengalaman-pengalaman yang berguna dari segi perkembangan perusahaan getah akan dijadikan asas untuk perluasan dan pertumbuhan ekonomi pertanian negara ini di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa megah bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan di dalam mempelbagaikan ekonomi pertanian negara bukan sahaja telah berjaya meningkatkan pendapatan sebahagian besar golongan rakyat yang bergantung kepada pertanian serta memberikan satu taraf hidup yang lebih baik dan sempurna. Akan tetapi perkembangan yang terlalu pesat ke arah mempelbagaikan ekonomi pertanian ini tanpa pengawasan dan pengawalan yang rapi pada jangka panjangnya dari segi penggunaan tanah tanpa memperhitungkan kedudukan dan kestabilan ekonomi dunia akan mengakibatkan ketidakseimbangan hasil dan pendapatan negara. Di dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya kita lebih berhati-hati di dalam usaha-usaha mempelbagaikan pertanian negara terutama di bidang ini supaya di dalam Dasar Pertanian Negara yang sedang digubal itu akan dapat menekankan program-program yang menyeluruh di dalam soal mempelbagaikan sektor pertanian serta membuat penekanan di dalam bidang-bidang pertanian tertentu di samping tidak mengabaikan perkembangan sektor-sektor perusahaan-perusahaan pertanian yang sudah sedia ada. Sebagai contohnya perusahaan nenas terutamanya di Johor, pada satu ketika dahulu merupakan satu bidang pertanian yang penting bahkan Malaysia telah terkenal dewasa itu sebagai negara yang utama dari segi eksport nenas di

pasaran dunia. Ini tidak berlaku lagi dewasa ini, bahkan di Pasaran Nenas Dunia, kedudukan kita telah merosot ke tempat ketujuh atau delapan, malahan perusahaan di bidang ini tidak begitu menggalakkan. Oleh yang demikian satu langkah yang positif perlu diambil segera bagi memulihkan industri ini termasuk mengkaji semula peranan dan program yang disusun oleh Lembaga Perusahaan Nenas (M.P.I.B.) supaya ianya menjadi sebuah agensi Kerajaan yang lebih efektif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mencadangkan supaya di dalam dasar yang sedang digubal sekarang, satu peruntukan diambil kira bagi mengadakan satu Working Ratio yang menasabah dari segi kegunaan tanah di bidang pertanian iaitu dari segi jenis-jenis tanaman berbanding dengan keluasan tanah. Dengan ratio ini, satu pertumbuhan ekonomi pertanian yang lebih seimbang akan dapat diwujudkan. Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat mengadakan kemudahan-kemudahan serta galakan-galakan kepada seluruh kaum tani di negara ini. Walau bagaimanapun, kita yakin bahawa usaha-usaha yang lebih berkesan serta penglibatan yang lebih mendalam dari segenap pihak dari segi jentera-jentera pelaksanaan mahupun rakyat biasa hendaklah dipertingkatkan lagi dan di dalam hal ini sukalah saya mengemukakan beberapa cadangan terutama supaya Kerajaan mengkaji semula bayaran cukai dikenakan kepada pekebun-pekebun kecil terutama getah serta menambahkan lagi bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi selaras dengan pengeluaran dan hasil yang disumbangkan oleh sektor ini kepada ekonomi negara.

Kedua, mengadakan lebih banyak lagi pusat-pusat memproses getah di seluruh negara supaya mutu pengeluaran pekebun-pekebun kecil ini akan ditingkatkan lagi.

Ketiga, menambahkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai dan kakitangan pertanian terutama di bidang Perkhidmatan Perkembangan bagi semua jenis tanaman.

Keempat, menyusun dan mengkaji semula peranan agensi-agensi pemasaran bagi menentukan bahawa kaum tani diberikan harga yang sebaik-baiknya di atas hasil pengeluaran mereka.

Kelima, membuka peluang yang seluas-luasnya agar kaum tani mendapat kemudahan-kemudahan kredit pertanian dengan syarat-syarat yang lebih mudah.

Keenam, menambahkan cawangan-cawangan Bank Pertanian di seluruh daerah di negara ini; dan

Ketujuh, menambahkan Pusat-pusat Latihan Pertanian di seluruh negara untuk memberi peluang yang lebih kepada petani-petani untuk mempelajari teknik-teknik pertanian yang moden.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita begitu gigih melancarkan beberapa program ke arah industrialization di dalam konteks Dasar Pertanian Negara dan Dasar Ekonomi Baru, kita mestilah menyedari hakikat bahawa satu penghijrahan secara besar-besaran (exodus) sedang berlaku iaitu di dalam bidang tenaga kerja di sektor pertanian ke sektor perindustrian. Di samping menyedari keperluan tenaga kerja di sektor perindustrian, exodus yang sedang berlaku di sektor perusahaan pertanian ini akan memberikan implikasi yang buruk terhadap negara di dalam usaha-usaha yang dilancarkan bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Negara. Sebagai contohnya, terdapat banyak ladang-ladang besar dan juga di bidang pekebun-pekebun kecil, yang menghadapi masalah yang tenat disebabkan kekurangan tenaga pekerja termasuk buruh-buruh kasar, penoreh-penoreh getah pesawah-pesawah padi dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengubal satu dasar yang definite dan positif, bagi menyekat exodus ini untuk menjamin keuntuhan dan kemantapan sektor perusahaan pertanian dengan mengambil perhitungan soal pendapatan yang lebih seimbang dan minima kepada pekerja-pekerja di sektor ini di samping pendapatan yang setimpal kepada petani-petani seimbang dengan sumbangan mereka terhadap pendapatan kasar negara.

Tuan Yang di-Pertua, permodenan di sektor pertanian hendaklah juga diselaraskan dengan perkembangan yang pesat di bidang perindustrian bahkan di dalam konteks ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diadakan rancangan-rancangan yang lebih konkrit dan meluas bagi menggalakkan pertumbuhan industri-industri yang berdasarkan

pertanian dengan menekankan penglibatan petani-petani di luar bandar, di samping mengadakan sekim-sekim galakan kepada pengusaha-pengusaha terutama bumiputra untuk memasuki perusahaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah kerap menjadi perbincangan hangat oleh rakyat malahan ada tendency dari pihak parti-parti Pembangkang untuk menjadikan Dasar Ekonomi Baru sebagai issue politik serta membangkitkan sentimen perkauman di kalangan satu golongan kaum. Kita ingin menegaskan kepada pihak yang tersebut bahawa menggunakan issue Dasar Ekonomi Baru untuk membangkitkan semangat membenci satu golongan rakyat dengan satu golongan yang lain terutama kaum bumiputra adalah seperti bermain dengan api, bahkan pihak tersebutlah yang akan bertanggungjawab sekiranya teretus trajedij-trajedi sebagaimana yang dihadapi oleh Negara ini di dalam tahun 1969. Kita berpendapat bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak boleh diperalatkan dan dijadikan sebagai barangan yang boleh dijual beli dan tawar-menawar bahkan sebagaimana yang telah diterima oleh Dewan yang mulia ini dan rakyat keseluruhannya, kejujuran Kerajaan di dalam melaksanakan dasar tersebut tidak boleh dipersoalkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan maka soal penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian menjadi pokok untuk mengukur setinggi mana penglibatan kaum bumiputra telah dapat ditingkatkan di dalam perkembangan ekonomi baru negara. Saya rasakan adalah amat bijak bagi Kerajaan meletakkan portfolio ini di bawah pengawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menunjukkan bahawa Kerajaan adalah benar-benar committed di dalam usaha untuk mencapai matlamat-matlamat yang digariskan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa agensi-agensi Kerajaan dan juga Perbadanan-perbadanan Awam yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan telah dan akan meneruskan usaha-usaha mereka bagi melaksanakan segala program-program bagi memperbanyakkan lagi usahawan-usahawan di kalangan bumiputra. Namun begitu adalah dirasakan bahawa pengawasan dan pengawalan yang lebih rapi harus di-

berikan oleh Kerajaan terhadap perkembangan agensi-agensi dan perbadanan-perbadanan tersebut bagi mempercepatkan pencapaian objektif organisasi tersebut. Dasar yang lebih tegas hendaklah digubal bagi meningkatkan garis panduan bagi mengelakkan peranan-peranan yang bertindih di kalangan mereka. Adalah diharapkan supaya Perbadanan-perbadanan awam dan agensi Kerajaan menjadikan separuh penggal kedua di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini sebagai tahun-tahun konsolidasi serta menumpukan segala usaha-usaha mereka ke arah memperkemas dan menyusun semula struktur perjalanan badan induk dan anak-anak syarikatnya. Di dalam hal ini saya sukalah mencadangkan supaya satu jawatankuasa ditubuhkan di Kementerian Perusahaan Awam untuk mengkaji dan meneliti di atas kemajuan, perkembangan serta kelemahan-kelemahan yang ada di dalam agensi-agensi dan perbadanan tersebut serta memperakukan tindakan-tindakan yang patut diambil untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian Kerajaan terhadap perkembangan-perkembangan di setengah agensi-agensi Kerajaan dan perbadanan yang memerlukan perhitungan yang lebih bijak bagi mengelakkan daripada kegunaan sumber-sumber kewangan yang kurang berkesan.

Pertama, terdapat adanya setengah-setengah agensi Kerajaan yang terlalu ambitious dengan menubuhkan terlalu banyak anak-anak syarikat daripada mengukuhkan kedudukan bidang-bidang yang sedia ada.

Kedua, ketiadaan satu sistem akaunting di agensi-agensi tersebut yang dapat memudahkan pengesanan-pengesanan di atas perjalanan dan penggunaan yang lebih menguntungkan di atas modal dan sumber yang terhad.

Ketiga, ketiadaan priority di dalam jenis-jenis perusahaan yang akan dijalankan akan hanya menimbulkan masalah-masalah terutama dari segi mendapatkan modal pusingan yang cukup untuk menguntungkan sesuatu perusahaan.

Keempat, kekurangan penelitian dan perancangan di atas viability sesuatu projek bahkan pertimbangan yang terlalu politikus juga mungkin merupakan kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi.

Kelima, kekurangan tenaga-tenaga profesional dalam bidang pengurusan menambahkan kerumitan di dalam mengendalikan sesuatu projek.

Keenam, kekurangan sistem-sistem galakan dari segi kewangan dan kemudahan kepada pegawai-pegawai membawa kesan demoralising kepada kedudukan dan perjalanan sesuatu rancangan.

Di atas hakikat inilah saya suka mencadangkan:

Pertama, supaya Kementerian yang berkenaan mengkaji semula peranan dan objektif badan-badan berkanun dan ajensi-ajensi Kerajaan bagi mengurangkan pertandingan yang tidak sihat serta peranan yang bertindih-tindih dalam segi tindakan dan pelaksanaan rancangan-rancangan serta menghadkan bidang dan rangka kegiatan ajensi-ajensi tersebut. Untuk lebih berkesan, saya cadangkan kajian mengikut zone-zone ataupun negeri-negeri.

Kedua, supaya Kementerian yang berkenaan menubuhkan suatu bahagian penyelarasan di semua badan-badan berkanun dan ajensi-ajensi Kerajaan bagi memastikan projek-projek yang dilancarkan benar-benar memberi faedah yang optima ke arah mencapai kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan khususnya Kementerian yang berkenaan menubuhkan satu jawatankuasa bagi merangka dasar serta garis panduan dan cara-cara melaksanakan objektif bagi menyerahkan anak-anak syarikat yang telah berjaya kepada usahawan-usahawan bumiputra.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

5.25 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Alham dulillah, syukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9hb Oktober baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang ke Dewan ini pada kali ini adalah dari sebuah parti yang sama tetapi parti yang ditewaskan

di negeri Kelantan dalam pilihanraya umum baru-baru ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ketiga-tiga kerusi Dewan Undangan Negeri di bawah Parlimen saya, diwakili satu kerusi oleh Barisan dan dua kerusi oleh Berjasa. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pengundi kawasan Parlimen Bachok yang telah begitu dapat membuat keputusan yang bijak kerana memilih PAS sebagai wakil Parlimen di samping memilih Barisan Nasional dan Berjasa sebagai wakil Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di upacara Pembukaan Rasmi Penggal Pertama Parlimen Kelima pada 9hb Oktober yang lalu telah menyatakan perasaan yang amat sukacita kerana pilihanraya umum telah berjalan dengan lancar dan teratur. Seri Paduka Baginda menyeru supaya Ahli-ahli Parlimen ini menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas, tanggungjawab dan kewajipan sebagai Wakil Rakyat dan meminta semua lapisan rakyat melupakan perbezaan fahaman politik masing-masing untuk bersatupadu memberi sokongan dan kerjasama kepada sebarang usaha memenuhi dasar-dasar dan matlamat negara. Titah Ucapan yang sebegini tentu sekali disambut baik dan dialu-alukan dengan gembira oleh seluruh lapisan rakyat.

Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, samada pihak yang terlibat atau individu-individu akan menyambutnya dengan menunjukkan bukti-bukti dan dalil-dalil yang jelas bahawa saranan Tuanku melalui lafaz Titah yang ikhlas itu diterima, diamal dan dilaksanakan dengan penuh kejujuran dan tanggungjawab.

Ada dua tiga perkara yang menarik perhatian saya mengenai pilihanraya. Pertama pilihanraya pada kali ini diadakan lebih cepat setahun atau setahun lebih daripada sepatutnya, ini bererti umur Parlimen Yang Keempat kira-kira 3 tahun 10 bulan sahaja sekalipun Kerajaan melalui kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh membubarkan Parlimen dan mengadakan suatu pilihanraya lebih awal atau kurang dari 5 tahun. Kedua, bagi negeri Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ianya diadakan lebih cepat pilihanraya Dewan Undangan Negeri itu ditinggalkan dengan pilihanraya Parlimen dan Dewan-dewan Negeri lain. Pilihanraya Dewan Undangan

Negeri Kelantan diadakan pada 11hb Mac 1978 manakala Parlimen diadakan pada 8hb Julai, 1978. Jadi umur Dewan Undangan Negeri Kelantan hanya tiga tahun enam bulan sahaja. Di antara pilihanraya Dewan Undangan Negeri dengan pilihanraya umum ada satu lagi pilihanraya kecil yang diadakan di kawasan Dewan Undangan Negeri Tendong pada 10hb Jun, 1978.

Bagi rakyat dan pengundi-pengundi di kawasan Tendong itu mereka menghadapi tiga kali pilihanraya. Sebagaimana maklum, pilihanraya kecil itu berkaitan dengan perletakan jawatan oleh bekas Menteri Besar Kelantan untuk membolehkan beliau dilantik menjadi Menteri Perusahaan Awam pada masa itu dan sekarang beliau dipindah ke jawatan Menteri Tak Berjabatan di Jabatan Perdana Menteri. Adapun tempoh pilihanraya Dewan Negeri dengan pilihanraya kecil Tendong dua bulan 29 hari. Dan dalam minggu yang pertama selepas pilihanraya Tendong Dewan Rakyat pula dibubarkan dan diadakan pilihanraya pada 8hb Julai, 1978 iaitu 28 hari jaraknya dengan pilihanraya kecil Tendong. Ini adalah, di antara rancangan-rancangan yang telah diatur dan disusun bagi mencapai hasrat orang-orang tertentu dan pemimpin-pemimpin tertentu di dalam Kerajaan. Rancangan-rancangan ini disusun dan diatur sedemikian rupa dari Undang-undang Darurat Negeri Kelantan 1977 diluluskan di Parlimen ini pada 8hb November, 1977 hingga sampai kepada pemerintahan darurat di Kelantan ditarik balik pada 12hb Februari, 1978 dan dalam tempoh inilah PAS tersingkir dari Barisan Nasional; dan menyeberang ke sebelah sini bukan bersama-sama dengan DAP tetapi bersendirian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan gambar-gambar peristiwa kotor yang berlaku di Kelantan dan dengan Rang Undang-undang Darurat yang tebalnya berpuluh-puluh muka itu maka pemerintahan darurat yang sepatutnya kekal dalam tempoh 2 tahun atau lebih itu rupa-rupanya berdiri selama tiga bulan 6 hari sahaja dan pada 12hb Februari, 1978 darurat ditarik kembali, pada keesokan harinya 13hb Februari, Dewan Negeri dibubarkan dan 11hb Mac, pilihanraya dilangsungkan. Sejak itulah negeri Kelantan bertukar pemerintahan dari PAS kepada Barisan dan Berjasa.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda menyatakan, di antara lain, "perbezaan dari ciri-ciri keturunan, ugama, kebudayaan dan fahaman politik hendaknya tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan." Kami menyambut baik Titah Di Raja itu. Di Kelantan nampaknya ciri-ciri keturunan, ugama dan kebudayaan tidak menjadi masalah sangat, hanya perbezaan fahaman politik sahaja yang timbul, melupakan fahaman politik nampaknya ditujukan kepada semua parti-parti politik, termasuk parti pemerintah yang berjaya di negeri itu hendaklah menjalankan kewajipan dengan adil tanpa mengira fahaman politik dan yang tewas hendaklah menunjukkan kerjasama yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca satu kata hukama, di sini yang bermaksud supaya tiap-tiap pemerintah itu berlaku adil.

Qiamu dunya ala arba'ati da-aima, biil'ulama wa-bi'adlil 'umarae wa-bisakhawatil aghnia' wa-bi-du'a al-fuqara—Dunia itu ditegak di atas empat tiang: Yang pertama dengan ilmu yang ditunjuk ajar oleh alim ulama. Kedua, dengan keadilan dan kesaksamaan pemerintah. Ketiga, dengan kemurahan hati orang-orang kaya. Keempat, dengan doa orang-orang miskin.

Falaula bi'ilm al-'ulama la-hakatil juhala, walaula bi-'adlil 'umara laya' kulunnasu ba'dhuhum ba'dha kama takkulu zidbul ghanam, walaula bi-du'a al-fuqarai lakharabatis-samawa-ti-wal ardhi—Maka jikalau tidak dengan ilmu yang ditunjukkan oleh alim ulama maka binasalah orang-orang jahil dan jikalau tidak dengan keadilan pemerintah, maka manusia menindas manusia sepertilah harimau memakan kambing dan sekiranya tidak dengan doa orang miskin, maka runtuhlah langit dan pecahlah bumi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, di sini ada dua perkara yang berasingan. Pertama, pilihanraya tidak terjejas pemerintahannya. Yang kedua, pilihanraya yang menyebabkan bertukar pemerintahan dari suatu parti kepada suatu parti seperti yang berlaku di Kelantan.

Tekanan dari pemerintah di sana terhadap PAS berlaku sekarang dengan sewenang-wenangnya. Pembuangan atau perlucutan

jawatan Penghulu atau Ketua-ketua Kampung dilakukan dengan tidak segan-segan, kelab-kelab malam juga hidup subur. Punca hasil negeri yang diperolehi dari cukai jambatan Sultan Yahya telah dimansuhkan tanpa melalui proses undang-undang. Punca hasil kira-kira \$100,000 sebulan itu sudah tidak dipungut lagi sekarang. Dan bermaharajalelah pemilik trailer, lori-lori balak dan lain-lain kenderaan berat yang berulang alik membawa muatan dagangannya menyeberang jambatan itu, yang masing-masing lepas tanggungan bayarannya ribuan ringgit pada sebulan. Apakah ini merupakan satu balasan atau janji pilihanraya kepada taukeh-taukeh balak? Jika demikian, apakah pula balasan kepada rakyat dan pengundi-pengundi di kampung-kampung yang jumlahnya lebih daripada 80%. Saya menyeru Kerajaan Barisan Nasional dan Berjasa di negeri itu menimbang semula perkara cukai jambatan ini.

Saya suka menyebut tentang buku daftar pengundi. Buku daftar pengundi yang digunakan pada 8hb Julai, 1978 ini hanya beberapa hari sahaja disiapkan sebelum hari penamaan calon. Bagi parti kami PAS buku daftar itu mula dilihat ialah pada hari penamaan calon. Hal ini amat menyulitkan fikiran-fikiran rakyat di dalam sesebuah negara demokrasi. Mengikut berita di surat-khabar para pengundi pada 8hb Julai bertambah kira-kira 800,000 orang. Kami di Kelantan bertambah rumit dan memeningkan kepala penyokong-penyokong kami, sebab dalam pilihanraya 11hb Mac dan 10hb Jun menggunakan buku daftar pengundi yang lama manakala 8hb Julai, 1978 menggunakan buku daftar yang baharu. Apabila kami menyemak nyata sekali pengundi baru yang bertambah banyak itu terdiri dari para-pengundi di Wilayah Persekutuan, negeri Selangor, Perak dan Pulau Pinang, manakala di Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis amat sedikit sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Bachok ramai pengundi yang boleh mengundi dalam pilihanraya 11hb Mac tidak boleh mengundi dalam pilihanraya 8hb Julai. Mengikut kiraan kasar setiap peti undi kira-kira terdapat 40 hingga 50 orang yang terlibat dan lebih daripada 2,000 pengundi dalam 56 peti undi tercicir.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang di seluruh negara kita pihak Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan pendaftaran pengundi baru. Masa pendaftarannya dimulakan dari 27hb September dan berakhir pada 8hb November 1978. Warganegara yang dilahirkan 21 tahun dahulu ertinya 21 tahun genap umurnya pada 27hb September 1978 boleh didaftarkan di pusat-pusat yang ditentukan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar Kerajaan, hasrat dan tujuan Suruhanjaya Pilihanraya adalah suci dan bersih, tetapi masih ada pegawai-pegawai atau penolong-penolong pegawai di peringkat tempatan seolah-olah tidak menyedari hakikat dan tujuan badan bebas ini. Badan bebas ini bertanggungjawab penuh dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa yang perlu saya nyatakan di tempat saya di sini ialah dua perkara.

(i) Perlantikan Penolong-penolong Pegawai Pendaftar tidak dipilih dari orang-orang atau calon-calon yang memahami konsep demokrasi negara ini.

Kalau kejujuran dan fahaman konsep ini tidak ujud pada dada mereka itu masakan mereka dapat mendaftar seluruh orang-orang atau warganegara yang berhak mendaftar hatta seugama sekalipun. Apakah Kerajaan sanggup menyaksikan di Kelantan atau di mana-mana sahaja negeri yang penduduknya 90% orang Melayu sejumlah bilangannya tidak terdapat namanya di dalam buku daftar pengundi?

Mengapa pihak Kerajaan tidak mengawasi—tidak memberi perhatian yang sungguh berat terhadap soal ini. Jangan kita berfikir politik jangka pendek, fikirlah jauh-jauh politik jangka panjang. Apakah suasana politik dalam negara ini tidak mungkin berubah? Tahun matlamat Dasar Ekonomi Baru kita akan melalui dua kali pilihanraya. Ini jika dilakukan umur Parlimen 5 tahun. Tetapi kalau dilakukan 3 tahun lebih atau 4 tahun, mungkin negara akan menghadapi 3 kali pilihanraya lagi baru sampai ke tahun 1990. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, baiklah kesilapan ini, betulilah kesalahan ini, kekalkanlah keadilan kita sebagai pemerintah. Jangan banyak sangat rakyat dalam negara kita terbiar dengan menitis air mata.

(ii) Saya suka menegur Kerajaan bahawa sistem mendaftar yang berjalan di Kelantan sekarang, mungkin di seluruh negara, adalah merugikan pengundi-pengundi di kampung-kampung, merugikan pengundi-pengundi di luar bandar, kerana orang-orang kampung tidak ada ataupun kurang berminat meninggalkan rumah dan pergi mendaftar di pusat-pusat yang ditentukan oleh Kerajaan. Kerana mereka tidak ada kemudahan seperti kemudahan dan sebagainya, lebih-lebih lagi fahaman dan keyakinan mereka terhadap penting dan mustahaknya mendaftar dan juga mengundi, setengahnya masih diragukan.

Jadi saya menyeru pihak yang bertanggungjawab dengan segala daya upaya supaya sistem ini dipinda sekurang-kurangnya Penolong Pegawai Pendaftar Kawasan melawat rumah demi rumah di waktu-waktu yang tertentu. Atau Penolong-penolong Pegawai itu diarah datang di tempat-tempat yang tertentu di hari-hari yang tertentu, kerana mendaftar kumpulan-kumpulan pengundi di luar bandar yang layak mendaftar samada kerana cukup umurnya 21 tahun atau lebih atau kerana berpindah dari tempat-tempat yang lain. Ikhtiar atau cara lain pula untuk meminta kerjasama parti-parti politik pun boleh menolong mempercepatkan proses pendaftaran pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir dalam mendaftar pengundi ini ialah terdapat di kawasan Parlimen Bachok. Bila sahaja saya balik baru-baru ini, didapati tempat-tempat pendaftaran pengundi itu dibuat sebahagiannya di tempat yang memberatkan pengikut parti-parti tertentu datang mendaftar. Kalau dahulu pusat-pusat pendaftaran diletakkan di balai-balai raya, balai-balai penggawa, di sekolah-sekolah waktu petang, di madrasah-madrasah, tetapi pada kali ini banyak didapati pusat pendaftaran itu diletak di pejabat-pejabat pilihanraya, di rumah-rumah orang kuat Kerajaan dan sebagainya. Sepanduk-sepanduk yang berkenaan dibawa dan direntang di tempat-tempat tersebut. Saya menyeru Kerajaan supaya membetulkan hal ini sebelum habis tempoh pendaftaran 8hb November ini untuk kita sama-sama mengalu-alu dan menyambut lafadz titah Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan me-

nyusun semula masyarakat negara ini kita telah maklum bahawa Kerajaan telah dan sedang menjalankan kegiatan-kegiatan yang baik ke arah tercapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tetapi apa yang nyata ialah kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tidak begitu dapat menjamin tercapainya matlamat yang ditujui. Segenap peringkat rata-rata mengeluarkan teguran-teguran yang jujur, teguran-teguran yang membina terhadap Kerajaan, samada di dalam seminar-seminar, mesyuarat-mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan. Rakyat mengharapkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan akan berjaya dengan sepenuhnya tanpa dihalang atau diganggu gugat oleh mana-mana pihak. Rakyat dari berbagai keturunan terutama rakyat dari kalangan bumiputra tidak mahu melihat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini akan jadi seperti "menang sorak, kampung tergadai"; "itik mati kehausan di air"; "ayam mati kelaparan di kepuk padi"; "anak sendiri diletakkan, kera di hutan disusui".

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru yang wujud sekarang adalah merupakan sebagai suatu pembedahan yang ikhlas dan jujur dari Kerajaan terhadap berjenis-jenis penyakit yang sungguh merbahaya kepada negara, merbahaya kepada ekonomi rakyat berbilang kaum yang tidak seimbang, yang jurang perbezaannya tetap terbuka luas. Angka 30% sudah menjadi gambaran yang merunsingkan. Demikian juga tempoh 12 tahun lagi iaitu pada tahun 1990 adalah suatu tempoh yang sungguh dek t. Suatu tempoh yang tidak akan dapat membolehkan Kerajaan memperbaiki rancangan, membetulkan sistem pelaksanaan, sekiranya tahap pelaksanaan mengikut bentuk dan sistem yang ada sekarang diteruskan.

Istimewa pula sebelum tiba tahun matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, kita tersua dengan dua kali pilihanraya umum. Dalam tempoh itu boleh menimbulkan berbagai-bagai issue baru—issue membahayakan perpaduan rakyat dan keselamatan negara. Dalam tempoh itu pertukaran pemimpin juga tetap berlaku. Meskipun dasar sebuah Kerajaan itu tidak banyak berubah dari suatu pilihanraya demi pilihanraya, tetapi penekanan di atas sesuatu dasar itu perlu ditekan dan dititikberatkan. Lemah penekanan ini bererti lumpuh dan keciwa sesuatu dasar Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak mendetailkan angka peratus kejayaan tahun demi tahun sehingga sampai kepada tahun 1990. Kerajaan boleh membuat dan menyediakan suatu formula baru. Saya percaya Kerajaan sendiri dengan bantuan pakar-pakar dan pegawai-pegawai sungguh menyedari dan menginsafi hakikat ini. Dan jelaslah kepada Dewan ini bahawa suatu formula baru akan wujud sesudah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Ketiga selesai dijalankan. Kerajaan, melalui Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan bahawa Kerajaan sedang menajalankan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk menentukan taraf pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sekian, saya mohon menyokong.

5.42 ptg.

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Wakil dari Balik Pulau.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda telahpun mengingatkan kita tentang suatu jenerasi Merdeka yang telahpun mengambil tempatnya dalam tanahair kita ini yang kini sudahpun mencapai 21 tahun. Kejayaan pemimpin kita, yang silam dan sekarang, membawa negara kita yang begitu banyak suku keturunannya, kebudayaan, tradisi, bahasa dan berbagai-bagai nilai dan corak hidup serta emosi, ke peringkat kemakmuran dan kesejahteraan seperti yang terdapat sekarang ini, adalah satu kejayaan yang sukar hendak dicari bandingannya dalam sejarah dunia moden ini.

Tahniah khas harus diberi kepada pemimpin-pemimpin negara dan kaum pada awal-awal Merdeka dulu yang mana dengan sikap toleransi dan berpandangan jauh mereka itu telahpun diwujudkan beberapa dasar pokok negara dan juga landasan perjuangan yang telahpun menyelamatkan negara kita sehingga ini.

Sekarang ini kita berada dalam Parlimen Yang Kelima. Rakyat sudahpun membuat keputusannya dan sebuah Kerajaan yang teguh dan yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin yang sudah diuji telahpun dibentuk. Duli Yang Maha Mulia dalam

ucapan Baginda telah menyuarakan harapan agar setiap Wakil Rakyat akan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas, tanggungjawab dan kewajipan kita untuk terus berjuang bagi memajukan lagi negara dan kehidupan rakyat. Ini adalah juga harapan rakyat, lebih-lebih lagi memandangkan dalam masa lebih kurang setahun yang lalu, berbagai-bagai spekulasi berkait dengan pilihanraya umum, telahpun sedikit sebanyak membawa suatu gambaran bahawa keadaan adalah kurang stabil dan kurang tenteram dalam negara kita.

Tetapi sungguhpun ini adalah harapan rakyat dan juga harapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, malang seribu kali malang, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita telah menyaksikan setakat ini di Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan adalah suatu trend yang penuh mencabar, iaitu suatu proses di mana beberapa soal dan dasar pokok negara yang telahpun dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin kaum dan pemimpin-pemimpin politik sejak sebelum Merdeka dulu, mulai diungkit dan dipersoalkan semula. Saya bersetuju penuh dengan pendapat Wakil dari Sepang bahawa yang bertanggungjawab penuh menceiuskan keadaan ini adalah Wakil-wakil dari DAP.

Kita semua ketahui bahawa issue-issue yang bercorak perkauman dan juga issue-issue pelajaran yang bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan telahpun digunakan oleh DAP dengan luasnya dalam pilihanraya yang sudah. Ini telah pula menimbulkan beberapa reaksi balas dari golongan-golongan lain.

Usul DAP dalam Parlimen ini untuk meminda undang-undang bagi membolehkan penubuhan Universiti-universiti swasta telah ditolak dengan undi yang terbanyak. Sekarang nampaknya parti tersebut sedang menggalak suatu perjumpaan besar di Hotel Hilton pada 22hb Oktober ini yang akan diwakili oleh lebih dari 2,000 guilds dan pertubuhan-pertubuhan Tionghua yang berdaftar. Adalah difahamkan jumlah yang akan menghadiri perjumpaan ini adalah lebih dari 6,000 sungguhpun kita semua ahu Dewan Nirwara di Hotel Hilton itu hanya dapat memuatkan 1,500 orang sahaja. Kalau pun keadaan ini dapat dikawal, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah perbincangannya akan hanya dapat menghangatkan lagi

suasana dan apa jua keputusan yang akan dicapai nanti tidak akan menguntungkan sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertanggungjawab untuk melaporkan di Dewan yang mulia ini bahawa reaksi orang-orang lain pula terhadap perjumpaan ini adalah membimbangkan sekali. Saya dan beberapa rakan yang lain telahpun melawat beberapa negeri baru-baru ini di atas urusan-urusan parti. Rata-rata dalam lawatan kami ini perkara yang dibincangkan adalah perjumpaan pada 22hb Oktober tersebut. Desakan untuk diadakan suatu perjumpaan balas dan untuk membuat tuntutan-tuntutan yang lain pula kian menjadi-jadi. Saya berpendapat selepas perjumpaan pada 22hb nanti sukarlah hendak dielakkan suatu perjumpaan yang lain kali terdiri dari orang-orang lain pula dan ini sudah tentulah akan lebih hangat.

Tuan Yang di-Pertua, jika keadaan ini dibiarkan sahaja ianya akan mencetuskan suatu proses di mana masyarakat kita yang berbilang kaum itu akan mula berdebat semula segala dasar-dasar pokok negara yang telahpun dipersetujui setakat ini malah bolehlah dikatakan yang telahpun menjadi "asas negara".

Oleh yang demikian saya inginlah mengambil peluang ini merayu kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menarik semula dan mengharamkan perjumpaan oleh pertubuhan-pertubuhan dan guilds keturunan Tionghua yang akan diadakan pada 22hb Oktober ini. Pada pendapat saya perjumpaan ini adalah suatu cara tekanan oleh puak-puak tertentu untuk mencapai secara "extra-Constitutional" apa yang mereka gagal perolehi secara Constitutional.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudahpun mencapai umur 21 tahun. Malaysia sudah dewasa. Dalam masa 21 tahun ini pemimpin kita telahpun berjaya memupuk suatu "equilibrium" dan suatu sistem "checks and balances" yang sihat di antara berbagai-bagai kaum di Malaysia. Perlembagaan kita telahpun dipinda berkali-kali dan berbagai-bagai dasar pula dilahirkan semuanya bertujuan untuk membina suatu masyarakat Malaysia yang adil dan bersatu-padu. Selalunya pindaan-pindaan ini dan dasar-

dasar ini diwujudkan semasa kita menghadapi atau kita hendak menyelesaikan sesuatu krisis negara.

Pada pendapat saya negara kita sekarang hampir berhadapan dengan suatu krisis yang berbahaya. Pada kali ini pula penyelesaiannya adalah satu sahaja: Kerajaan hendaklah mengkaji semula dan memperketatkan segala dasar-dasar dan peraturan-peraturannya agar dapat menyekat bukan sahaja apa-apa pertentangan terhadap dasar-dasar pokok negara yang telah dipersetujui, tetapi juga menyekat dari awal-awal lagi segala tindakan atau kegiatan-kegiatan yang mungkin mencetuskan sesuatu proses ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang bukanlah mudah untuk membina suatu masyarakat Malaysia yang bersatu-padu dan adil dari keadaan yang terdapat dalam negara kita ini. Oleh itu segala "konsep kebebasan" yang kita amalkan sekarang ini dan yang dipinjam dari Barat itu hendaklah diubah-suaikan dengan keadaan yang terdapat di negara kita. Itulah satu-satunya sahaja jalan, jika kita hendak terus kekal sebagai sebuah negara yang bersatupadu, maju dan makmur.

*5.50 ptg.*

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama menyokong Usul Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda di waktu memrasmikan Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Kelima ini.

Saya ingin memohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak minta hak di bawah Seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan juga?

**Tuan Fung Ket Wing:** Ya!

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, tidak boleh bercakap dalam Bahasa Kebangsaan?

**Tuan Fung Ket Wing:** Tidak pandai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun ada syarat di dalam Akta Bahasa Kebangsaan—saya sedar Akta itu kerana baharu semalam saya mengizinkan Ahli Yang Berhormat

dari Lambir—tetapi ini tidak bermakna kedudukan Bahasa Kebangsaan di bawah daripada bahasa Inggeris. Kali ini saya benarkan. Baiklah, teruskan!

**Tuan Fung Ket Wing** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, a vast majority of our people in Sabah are living in the ulu areas where there are no proper road services, no schools, no medical services, no water supply and no electricity supply.

Mr Speaker, Sir, in the course of improving the living standards of the poor, they should be given priority as a matter of urgency to raise their standard of living and quality of life so that they are able to participate in the nation building process and they will not be left out from the mainstream of development.

Mr Speaker, Sir, the people in Malaysia are greatly affected by the high rise in the cost of living which has gone up since 1970 to 1977 by 53% in Peninsular Malaysia, 48% in Sarawak and 44% in Sabah. The rise can be attributed to many factors such as the so-called management high profit margin planning without due consideration to the consumers, the establishment of agencies for manipulation of prices, the unreasonable increase in the transportation charges and, of course, the unreasonable increase in the port charges by 100% in Sabah last year has further increased the burden of the lower and middle income groups.

I would like to draw the attention of the Government to the ways and means that must be sought to prevent further increases in the cost of living and at the same time the working class should be assisted to overcome their difficulties due to the rise in the cost of living. They are the worst hit in such circumstances.

A large proportion of the contract teachers in Sabah was not treated fairly compared to Government permanent teachers although they both possess the same qualifications and experience. For the contract teachers, they will receive arrears under the Cabinet Committee Report from 1-1-1977 whilst the permanent teachers will receive arrears from 1-1-1976. At the same time, the contract teachers are not entitled to a pensionable scheme, free passage and housing loans whereas permanent teachers are entitled to

all these. The contract system has been condemned in the Industrial Court in the case of the planting industry. Where the need is permanent, there is no case for the contract system to exist. It will amount to unfair labour practice. I would urge the Government to look into the matter and convert them into permanent service to enable them to be placed on the pensionable scheme so that they are able to concentrate on their work which in turn will contribute to national development.

Mr Speaker, Sir, the people in Sabah and Sarawak are not enjoying the same television and broadcasting benefits as people in Peninsular Malaysia do. The people in Peninsular Malaysia have the benefits of enjoying two channels whereas Sabahans and Sarawakians have the privilege of having only one channel. Mr Speaker, Sir, the citizens of those two States are the same as the other citizens in Peninsular Malaysia and I ask, why should we be deprived of this benefit?

The shortage of hospital doctors especially surgeons coupled with the shortage of medicine and insufficient hospital staff has posed serious problems to the people in Sabah. Many cases of deaths have been reported due to lack or want of immediate medical attention. Mr Speaker, Sir, I would call upon the Government to look into the matter seriously and take immediate action to remedy the situation.

Mr Speaker, Sir, the State of Sabah covers an area of 29,388 sq. miles. The present system of roads in the State consists of 664 miles of metal and sealed roads, 1,428 miles of gravelled and 289 miles of earth-formation roads making a total of 2,381 miles for a population of over 800,000 which has caused serious problems in its development. Roads especially leading to the interior should be constructed to bring about changes and improvements to the lives of the indigenous people who are in a helpless state. Mr Speaker, Sir, the main transportation between the main towns in Sabah is by air. MAS air fares are extremely high compared with the charges in Peninsular Malaysia. Mr Speaker, Sir, I humbly urge the Government to improve the transportation system in Sabah so as to bring forth progress and rapid development in the State.

Mr Speaker, Sir, the State of Sabah is facing a serious refugee problem from the southern part of the Philippines. The crime rate has gone up, the number of lives lost are also high and the squatter areas where they live have become disease-breeding grounds. It has affected the State both socially and economically, endangering national security. There is no mention how the Government proposes to solve this problem and what action it has taken to curb further illegal entry into the State. The question of Filipino refugees in Sabah has posed a constant fear in the minds of all Sabahans and unless the problem of refugees is solved, the people of Sabah will live in a state of fear.

Way back in 1969 when Tun Mustapha was the Chief Minister of Sabah, an Honourable Member of Parliament, Encik Lim Kit Siang went to Sabah to assist an independent candidate in his parliamentary campaign but he was kicked out by Tun Mustapha using the immigration powers. When the Berjaya Government came to power, with Harris Salleh as the Chief Minister of Sabah, he lifted the ban and allowed Encik Lim Kit Siang, the Member of Parliament for Kota Melaka at that time, to enter the "kayu curtain" in Sabah to witness the developments in the State. Unfortunately, the Honourable Encik Lim Kit Siang exposed more faults and malpractices than the so-called improvements boasted by the Datuk Harris Salleh Government in Sabah. So again the Honourable Encik Lim Kit Siang was banned from entering Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan sebut nama dalam ucapannya. Sebutkan Yang Berhormat dari Petaling.

**Tuan Fung Ket Wing:** In May this year, the Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar who had never entered Sabah before was refused entry into Sabah. And in July this year, the Member of Parliament for Petaling, who is also the Secretary-General of the DAP and Opposition Leader, went to Sabah to assist in the General Election campaign of his party's candidates but was again refused entry, and carried away in a wheelchair, while all the Federal Ministers who were in the same flight with him entered Sabah for the same purpose and were welcomed by the State Government.

Mr Speaker, Sir, there are thousands and thousands of refugees who cause serious problems in the State and yet are allowed to remain in the State and yet Honourable Members of Parliament from the Opposition are refused entry into their own country. It is a sad commentary on the state of affairs that a Malaysian has been banned from entering a part of Malaysia which is unprecedented in any country which practices democracy.

Mr Speaker, Sir, in the recent General Election, the Sandakan election result has prompted the Chief Minister of Sabah to make utterances which disturb the minds of a large section of the community in Sabah. The immediate reaction of some was that he was making mountains out of molehills; to others, it would not be fair or right to attribute the election result to communal polarisation and Barisan Nasional leaders in Sabah should accept it because Malaysia is a democratic country. Democracy guarantees liberty of the subjects to vote whomsoever they liked. The loss of the Sandakan seat has also reminded the Chief Minister to announce that there is a necessity to review the policies of the party Berjaya and that of the State Government. It clearly implied that hitherto, party and Government policies of Berjaya were wrong and ill-conceived. What the people hoped is that the revision will be for the better and not for the worse and that the revision will be beneficial and not for revenge. Shortly after the results were known, three groups of people were singled out as targets for criticism in the State Legislative Assembly convened two days later, namely the hawkers, the taxi drivers and the coffee shop owners. These are, generally speaking, the financially weak and influence-lacking sections of the community. The announcements of the two State Assemblmen in the Assembly on 17-7-78 had in no small measure disturbed their minds to the extent of shattering their spirits. Sir, I would like to inform this House that the Government, whether they win or lose in the elections, should not pursue revengeful actions.

Mr Speaker, Sir, we in the DAP are of the view that nation-building and its future rest in the hands of our young and future generations who shall, in time to come, be the leaders of this country. Therefore, it is our duty and responsibility to consider

calmly and sensibly, to look into the needs of the nation, not only its present needs but also its future needs. It is improper to say that we do not have job opportunities for university leavers. Therefore, there is no need for the establishment of any more universities in Malaysia. Every year, thousands and thousands of students knock at the doors of the universities and are unable to gain entrance. On the other hand, the Government does not want them after graduation to become bus conductors or sweepers in the streets. If that is the case, why are overseas students who cannot find jobs in their own country not allowed to earn their living in the other countries? We in the DAP fail to see the Government's intention viz-a-viz the education policy.

Mr Speaker, Sir, the nation's future depends largely on the education of its citizens. We in the DAP are of the opinion that the higher and better educated will bring forth progressive development in the country, and not bring destruction to the nation. We in the DAP hope that this is not the intention of the Barisan Nasional.

Mr Speaker, Sir, we the elected Members of Parliament are assembled here, regardless of political and ideological differences, must think for the benefit not only of the people but for the nation as a whole. In so doing let us not forget that Malaysia is a multi-racial country and has its multi-racial concept in its customs, languages, worship, cultures and way of life. The achievements after 21 years of independence are the results of the combined efforts of all races of this young nation of ours through their mutual understanding, respect and their adherence to the Nation's Constitution which is framed to foster harmony and unity among all races.

If it is the intention of the Government to have a clean Government, then it is only fair for the House here to warrant all Members of Parliament, State Assemblymen and all Government officers to declare their assets as assigned to show their incorruptibility and to avoid any doubts and suspicion and thereby gain the confidence of the people.

Mr Speaker, Sir, before I conclude, I request the Government to double its efforts to eradicate poverty, drug addiction, corrup-

tion, malpractices and improve the efficiency of the Government machinery and in implementing its policies, the Government should be just, fair and equal to all concerned. With this I thank His Majesty the Yang di-Pertuan Agong for his Gracious Speech.

6.04 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini adalah untuk turut menyokong penuh di atas usul bagi merakamkan penghargaan dan ucapan menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada merasmikan Penggal Pertama Parlimen yang Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan ataupun ditekankan sebagai panduan, sebagai asas landasan kepada dasar Kerajaan terutama sekali Kerajaan baru selepas daripada pilihanraya yang diadakan iaitu Kerajaan yang berslogankan Kerajaan yang berjiwa rakyat. Masalah perpaduan, pelaksanaan Dasar Pembangunan, masalah-masalah dadah, masalah belia, masalah-masalah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan telahpun diletakkan sebagai di antara asas-asas pelaksanaan dasar Kerajaan dan perancangan-perancangannya. Perkara perpaduan adalah merupakan perkara yang lumrah sekali ditekankan oleh seluruh pihak baikpun Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja, pemimpin-pemimpin dan juga kalangan-kalangan masyarakat yang lain. Kita yakin dan percaya bahawa perpaduan adalah merupakan satu asas jaminan untuk keutuhan dan keteguhan bagi bangsa dan negara kita. Kita amat dukacita sekali walaupun masalah perpaduan ini ditekankan seringkali, tetapi masih ada kalangan-kalangan ataupun pihak-pihak yang cuba menggunakan perkataan perpaduan ini semata-mata untuk mempereratkan perpaduan geng-geng atau kumpulannya sahaja, sebaliknya untuk kalangan-kalangan orang yang lain mereka menganggapkan bahawa tidak sepatutnya diletakkan pengertian perpaduan itu. Ini telah lahirlah beberapa keadaan di beberapa kawasan ataupun

daerah-daerah di mana segolongan orang-orang yang tidak menyertai kumpulan mereka ini telah dianggapkan bahawa orang-orang ini orang-orang yang tidak dapat berserta ataupun menjadi kalangan kumpulan masyarakat mereka. Apa yang amat dukacita sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah terdapatnya orang-orang yang mengatakan bahawa merekalah orang yang beriman terhadap Allah dan orang yang memperjuangkan hak-hak dan kepentingan agama yang maha suci telah memainkan peranan-peranan yang tidak diingini oleh agama ini. Demikian jugalah mengenai kedudukan kalangan-kalangan yang lain, kalangan-kalangan yang sentiasa menggunakan masalah-masalah yang sensitif dan masalah-masalah yang boleh memecahkan perpaduan kaum menjadikan perkara-perkara untuk dibangkitkan di segenap peringkat dan keadaan. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini haruslah mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kerajaan kerana telah banyak sangat perkara ini diperkatakan. Kerajaan haruslah mengambil tindakan yang tegas, Kerajaan perlulah mengambil daya usaha bagi membenteraskan keadaan-keadaan ini dan jika perlu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah sepatutnya memberikan perhatian menjalankan tindakan-tindakan bagi menjamin keutuhan dan perpaduan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pembangunan Kerajaan khasnya Kerajaan yang berjiwa rakyat ini adalah sangat-sangat diharapkan terutama sekali dengan pengertian Kerajaan yang berjiwa rakyat di mana rakyat sekarang ini amat tertarik dengan slogan baru ini.

Kita akui bahawa dasar dan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan boleh dikatakan ianya berjalan dengan baik tetapi apa yang mendukacitakan kita kerana pencapaian bagi satu-satu dasar ataupun kehendak matlamat yang dicita-citakan itu adalah terpaksa melalui tiga proses peringkatnya :

Pertama, peringkat yang membuat dasar.

Kedua, peringkat yang melaksanakan dasar.

Ketiga, peringkat yang menerima dasar ini.

Peringkat yang membuat dasar ataupun khasnya Kerajaan kita amat berpuas hati dengan perancangan-perancangan dan dasar-dasar yang ditekankan, terutama sekali di dalam Titah Ucapan Du'li Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini telah menekankan banyak perancangan-perancangan dan landasan-landasan dasar dasar untuk tujuan ini. Tetapi apa yang mendukacitakan kita sekarang ialah di peringkat pelaksanaan ini. Sekiranya di peringkat pelaksanaan berlakunya perbezaan dengan peringkat penerimaan seperti mana langit dengan bumi maka berertilah pencapaian untuk tujuan dasar-dasar ini tidak akan memberikan apa-apa kejayaan. Di peringkat pelaksanaan ini khasnya ialah peringkat-peringkat jabatan, peringkat-peringkat pegawai pelaksana dan peringkat-peringkat agensi-agensi Kerajaan bagi pencapaiannya. Samada mahu atau tidak mahu di peringkat ini kita dapati kelemahan-kelemahan dan kita dapati juga penyelewengan-penyelewengan yang mana secara langsung atau tidak langsung dan perkara inilah telah menjadikan perkara perbincangan umum yang mana perkara-perkara ini akan membangkitkan sikap-sikap tidak akan dipercayai kepada dasar Kerajaan walaupun dasar yang dirancangkan itu sebaik-baik kehendak untuk tujuan pencapaiannya.

Di sini sukalah saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya segera mengambil tindakan bagi merubahkan sikap kepada semua peringkat pelaksanaan dan penerimaan ini agar di antara keduanya ini mencapai perimbangan dan dapat mencapai matlamat dasar yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah juga ditekankan satu perkara yang amat besar kepada negara kita ini ialah masalah dadah dan juga masalah belia. Masalah dadah dan belia ini adalah satu perkara yang harus diberi pandangan yang serius. Dadah dan belia adalah hubungan yang berkaitan langsung kerana dadah ini sedang berjalan di kalangan belia-belia ini. Kita tidak terdapat golongan yang tua-tua ataupun dewasa yang banyak terlibat di dalam bidang dadah ini. Dadah ini dapat merosakkan jenerasi-jenerasi belia di negara kita ini dan apabila keadaan belia-belia ini sudah

tidak stabil maka kemungkinan negara kita juga akan rosak di dalam jenerasi yang akan datang ini.

Mengenai penyelesaiannya, Tuan Yang di-Pertua, haruslah kita membentarkan keadaan ini daripada usul-asal ataupun akar-umbunya. Apa yang perlu sekarang ini pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan haruslah menyusun satu dasar belia negara ini yang lebih strategik kerana kita percaya bahawa satu penyusunan dasar belia yang strategik sahaja akan dapat membendung sedikit-sebanyak kemasukan pengaruh-pengaruh dadah di kalangan para belia.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyeru pihak Kerajaan sekiranya perlu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dirombak dan dijadikan Kementerian Belia dan Sukan sahaja di mana "Kebudayaan" ini dipindahkan kepada Kementerian Penerangan yang mana Kementerian Penerangan mempunyai radio dan televisyennya. Syor saya ini ialah untuk dapat Kementerian Belia dan Sukan ini menyusun strategi yang strategik kepada perancangan belia negara. Apa yang perlu sekarang ini jenerasi belia-belie ini adalah sekian masa sekian bertumbuh dan jenerasi belia inilah yang akan mewarisi negara kita beberapa ketika masa depan. Sekiranya jenerasi belia yang ada pada hari ini Kerajaan abaikan, pihak Kerajaan yang bertanggungjawab hari ini tidak membendung, Kerajaan yang ada pada hari ini tidak memimpin, tidak membimbing pemikiran, tidak membentuk keadaan belia ini untuk bertanggungjawab kepada negara, untuk bertanggungjawab kepada bangsa maka sudah tentulah jenerasi masa depan belia terumbang-ambing dan kemungkinan negara kita ini tidak akan terus kekal wujud seperti apa yang ada pada hari ini, malahan kemungkinan kehancuran akan berlaku terhadap negara kita ini. Jadi saya rasa masalah ini haruslah pihak Kerajaan mengambil perhatian yang berat dan perlulah seperti yang saya katakan tadi supaya diperlengkapkan strategi ini, khasnya strategi kepada belia-belie ini lebih rapi dan lebih menjaminkan masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, dasar ini merupakan satu dasar yang amat baik sekali kepada negara kita ini terutama

di dalam usaha-usaha Kerajaan bagi membasmi kemiskinan dan untuk hendak menyusun semula masyarakat di negara kita ini. Walau bagaimanapun baiknya dasar ini tetapi kita masih terdapat kelemahan-kelemahan di mana sungguhpun dasar ini berjalan tetapi kalangan yang miskin, kalangan yang masih belum berpeluang adalah masih banyak lagi dan kalangan-kalangan ini haruslah mendapat perhatian yang langsung terutama sekali kalangan-kalangan para petani, nelayan, pekebun-pekebun kecil dan lain-lain. Para-para petani di negara kita ini khasnya penanam-penanam padi adalah terdiri daripada para petani yang keluasan tanah yang diusahakan oleh mereka adalah keluasan tanah yang tidak ekonomik. Masalah ini adalah satu masalah yang berat kerana dengan bertumbuhnya masyarakat kita semakin ramai di kawasan-kawasan pertanian telah menjadikan penduduk yang ramai itu sulit untuk mendapat keluasan tanah yang ekonomik bagi diusahakan di dalam bidang-bidang pertanian ini. Oleh kerana keluasan tanah yang tidak ekonomik dan oleh kerana masalah kos perbelanjaan pertanian, kos perbelanjaan bagi pengeluaran penghasilan telah naik dari masa ke masa, maka sudah tentulah usaha-usaha kita untuk membasmi kemiskinan ataupun memberi peluang ekonomi yang lebih di kalangan para petani ini tidak akan dapat dipertimbangkan dengan seberapa segeranya. Malahan bukan itu sahaja, ada kalanya usaha-usaha yang dilakukan ataupun perusahaan yang dilakukan di bidang pertanian ini sudah berlaku tidak dapat minat di kalangan para-para belia yang ada pada hari ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa saya turut menyokong penuh di atas cadangan dan desakan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Kerajaan menimbang kenaikan harga padi kepada kalangan para petani sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada sebelum pilihanraya yang lalu. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pihak Kerajaan telah mengkaji di atas masalah para petani dengan harga padinya dan pihak Kerajaan sedang berusaha untuk hendak menaikkan harga padi ini. Oleh kerana sekarang ini terutama sekali para petani di negeri Kedah sedang menunggu hasil padi mereka, jadi

elok sangatlah pihak Kerajaan dapat mengumumkan lebih awal harga padi bagi tahun ini sebelum padi mereka ini habis dijual kerana kalau padi mereka habis dijual baru ditetapkan harga ataupun dinaikkan harga maka berertilah usaha ini ataupun hasrat ini tidak akan memberi apa-apa erti.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya menyebut masalah pertanian di negeri Kedah oleh kerana saya salah seorang wakil daripada rakyat Kedah, sukaiah saya menyentuhkan sedikit kedudukan negeri Kedah ini. Negeri Kedah adalah merupakan salah sebuah negeri yang kurang maju di mana pihak Kerajaan meletakkan negeri Kedah juga di dalam kumpulan negeri yang kurang maju.

Kedudukan kemunduran negeri Kedah ini bukanlah disebabkan oleh pemerintahan di negeri Kedah ataupun oleh sesiapa juga yang menjadi Kerajaan di negeri Kedah, tetapi kedudukan di negeri Kedah ini ialah disebabkan oleh kerana kurangnya hasil pendapatan negeri Kedah berbanding dengan perbelanjaan yang sekian meningkat dari semasa ke semasa. Negeri-negeri yang lain banyak mempunyai hutan-hutan balak, misalnya di Trengganu mempunyai perusahaan minyaknya, di negeri Perak mempunyai perusahaan perlombongan dan sebagainya, tetapi di Kedah tidak mempunyai ini semua. Apa yang ada di Kedah hanyalah ladang persawahan. Negeri Kedah telah mengeluarkan hasil padi yang banyak untuk keperluan negara kita ini. Lebih daripada 46% hasil padi di negeri Kedah telah memberikan keperluan beras untuk negara dan hasil ini adalah menguntungkan Kerajaan Pusat semata-mata. Kerajaan Pusat dapat menyelamatkan \$350 juta setiap tahun dari pertukaran wang luar negeri kerana membeli beras, tetapi keuntungan ini tidak dikembalikan. Oleh yang demikian, sukaiah saya menyeru kepada pihak Kerajaan Pusat menerusi Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan Pusat memberi pertimbangan yang serius kepada negeri Kedah ini dan jika boleh daripada hasil-hasil yang dipungut daripada negeri Kedah ini kembalikanlah ke negeri Kedah, sebanyak 20% ataupun lebih untuk dapat menampung perbelanjaan dan kekuatan kepada pembangunan di negeri Kedah itu sendiri.

Formula bantuan Kerajaan Pusat kepada negeri Kedah patutlah dikaji oleh Kerajaan Pusat khasnya Kementerian Kewangan dan

patutlah diubahsuaikan mengikut keperluan yang ada sekarang ini. Potensi pembangunan negeri Kedah dan untuk memajukan negeri Kedah adalah cerah, tetapi kalau sekiranya negeri Kedah hanya dikaut sahaja penghasilannya dibawa ke Kerajaan Pusat tanpa disalurkan balik, maka sudah tentulah negeri Kedah akan kekeringan dan tidak dapat hendak membangunkannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kedudukan negeri Kedah ini juga, negeri Kedah ini adalah sebuah negeri yang agak tua dan negeri Kedah juga tidak mempunyai banyak tanah. Berdasarkan kepada pertumbuhan rakyat yang begitu ramai sejak kita merdeka 21 tahun ini sekali ganda penduduk negeri Kedah telah bertambah, daripada 650,000 pada sebelum kita mencapai kemerdekaan telah naik sehingga 1.2 juta sekarang ini. Sudah tentulah dengan bertambahnya rakyat yang begitu ramai, keluasan tanah tidak dapat diperuntukkan dan tidak mendapat peluang bagi rakyat negeri Kedah mendapat tanah. Oleh yang demikian menerusi Dewan yang mulia ini juga, saya mengambil kesempatan menyeru pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang banyak mempunyai tanah dan dapat membuka rancangan tanah supaya memberikan peluang yang lebih kepada rakyat negeri Kedah khasnya supaya dengan ini dapatlah peluang kepada rakyat negeri Kedah untuk sama-sama berhijrah ke negeri-negeri yang menerima mereka masuk ke dalam rancangan tanah ini. Ini sahajalah satu rayuan yang perlu diberi pertimbangan untuk pertimbangan kedudukan dalam usaha untuk hendak memberikan peluang yang lebih kepada rakyat negeri ini khasnya di bawah peluang Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Setengah minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya akhirnya menyokong penuh di atas cadangan memberikan penghargaan dan menyampaikan ucapan junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Dewan ini tempoh hari.

**Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,** seramai 38 orang telah dapat peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang belum dapat peluang itu, insya Allah saya akan beri peluang bila membincangkan Belanjawan selama 11 hari, iaitu membincangkan berkenaan dengan dasar-dasar am dan 16 hari di dalam Jawatankuasa.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk menjawab.

6.26 ptg.

**Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan berkait dengan Kementerian saya.

Satu dua perkara telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, Sungai Petani dan Dungun. Satu perkara yang telah dibangkitkan ialah berkenaan kekurangan kakitangan di dalam JKR, juga kakitangan yang tidak ada pengalaman juga telah dibangkitkan. Kementerian memang sedar dan saya akan mengambil perhatian di atas perkara ini dan cuba seberapa yang boleh mengubah keadaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan Sungai Petani juga telah membangkitkan perkara mengenai kenaikan pangkat Pengarah JKR di negeri Kedah. Perkara ini saya akan ambil perhatian dan akan cuba berunding dengan pihak PSD untuk menimbangkan perkara ini.

Berkeenaan kakitangan yang selalu kena tukar dan ini akan menjadi satu keadaan yang tidak memuaskan, memang perkara itu berlaku dari semasa ke semasa, oleh sebab mereka yang ditukarkan itu, satu daripada sebabnya ialah oleh kerana mereka telah dinaikkan pangkat. Dengan itu mereka terpaksa ditukarkan ke tempat yang sesuai.

Mengenai cadangan untuk menambahkan satu daerah JKR di negeri Kedah, saya akan timbangkan perkara itu.

Sistem tender telah disentuh juga, dan memang sistem yang ada sekarang sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Kalau Ahli Yang Berhormat ada cadangan yang baik supaya kita dapat cecutkan sistem yang ada, saya ucapkan terima kasih dan akan menerima cadangan dari Ahli Yang Berhormat itu, jika ada.

Berkeenaan tawaran terhad (selected tender) yang telah berlaku dari masa ke semasa yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati atau pilih kasih, sebenarnya tawaran terhad ada, kadang-kadang memang kita mengadakan, khususnya ke atas tawaran-tawaran berkenaan dengan projek keselamatan. Itupun jarang ada, bukannya selalu iaitu mengenai projek keselamatan di mana kita hendak cepat, di mana lain-lain faktor kena dikaji, jadi sekali-sekala ada tawaran terhad, tetapi bukan semua ada tawaran terhad.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan jika ada perkara-perkara lain saya akan ambil perhatian dan kalau dapat saya akan ambil tindakan untuk mengubah keadaan, insya Allah saya akan ambil tindakan (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

6.30 ptg.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apakala membuka dengan rasminya persidangan ini.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menegur kononnya banyak sangat peruntukan dalam Perlembagaan telah dipinda dan beliau telah mencadangkan supaya satu badan suruhanjaya bebas diwujudkan untuk mengkaji perkara ini dengan mendalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Yang Berhormat, Dewan yang berbahagia ini mencadangkan supaya suatu badan di luar Dewan yang mulia ini mengadakan kajian terhadap keputusan-keputusan termasuk pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan

yang saya percaya telah dikaji dan dibahas dengan mendalam oleh Dewan yang mulia ini, cadangan itu adalah rasa saya satu perkara yang sangat anih. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Dewan ini—Dewan Rakyat termasuk Dewan Negara adalah badan yang teragung sekali dalam sistem parliamentary democracy kita yang diberi kuasa penuh di bawah Perlembagaan bagi meluluskan undang-undang termasuk meminda Perlembagaan bagi faedah negara dan rakyat. Bagi pendapat saya selagi keputusan Dewan ini adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan, tidak ada badan lain di luar Dewan ini yang boleh menyoal apa sahaja yang telah diputuskan oleh Dewan ini. Di dalam perkara ini banyak authorities ataupun pendapat-pendapat muktamad yang telah dibuat sehingga ke Privy Council menunjukkan bahawa keputusan-keputusan yang dibuat berlandaskan kepada kuatkuasa Perlembagaan oleh Dewan Parlimen tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak.

Tentang pindaan-pindaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang telah dibuat selama ini kepada Perlembagaan adalah telah diwujudkan selepas didapati bahawa pindaan-pindaan tersebut perlu dan mustahak diadakan bagi kepentingan negara dan rakyat. Walaupun saya tidak nafikan bahawa satu-satu pindaan yang telah dibuat mungkin serba sedikit telah menghadkan hak kebebasan asasi seseorang sebagaimana terkandung khususnya di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua bersetuju, saya percaya, pihak Kerajaan kita seboleh-bolehnya tidak suka mengadakan banyak perubahan kepada peruntukan di dalam Perlembagaan kerana Perlembagaan adalah undang-undang yang kita semua anggap sacred, sungguh sacred sehinggakan Perlembagaan kita sendiri ada mempunyai peruntukan di bawah Perkara 159 dalam mana tidak ada pindaan boleh dibuat selagi Dewan Parlimen tidak mendapat sekurang-kurangnya dua-pertiga undi daripada jumlah Ahli di dalam Dewan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya sebutkan di atas pindaan-pindaan yang telah dibuat adalah dianggap penting bagi menjamin bahawa keselamatan, ketenteraman awam, perpaduan rakyat akan terus terkawal di dalam negara dan di kalangan rakyat. Saya

percaya rakyat juga maklum tentang pindaan-pindaan yang telah dibuat, kerana mereka telah mengikuti perbahasan-perbahasan yang telah berjalan apabila Rang Undang-undang itu dibahaskan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan saya percaya sejumlah besar daripada mereka, kecuali segelintir orang seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam DAP dan pengikut-pengikutnya sahaja, bersetuju dan menerima baik pindaan-pindaan ini oleh kerana ia adalah penting bagi menjamin supaya mereka dapat terus hidup dan tidak ada kebimbangan bahawa keselamatan dan ketenteraman mereka akan terancam ataupun terganggu. Maka inilah rasa saya sebabnya di dalam pilihanraya yang telah diadakan mereka telah terus memberi kepercayaan mereka kepada Kerajaan dahulu yang dipimpin oleh Kerajaan Perikatan dan sekarang Kerajaan Barisan Nasional. Oleh hal yang demikian, saya tidak nampak kenapa satu badan suruhanjaya bebas ditubuhkan sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Kalaulah Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa perbuatan Parlimen meminda Perlembagaan sebagaimana yang dikatakan adalah salah ataupun *ultra vires* kerana telah tidak dilakukan selaras dengan kehendak Perlembagaan, maka saya berpendapat Ahli Yang Berhormat boleh membawa perkara ini ke Mahkamah Persekutuan yang diberi kuasa oleh Perlembagaan di bawah Perkara 128, memutuskan samada satu-satu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, sehingga kepada pindaan Perlembagaan itu sah ataupun tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat telah mencadangkan hukuman mati dikenakan kepada perogol-perogol yang didapati bersalah. Tuan Yang di-Pertua, hukuman pada masa ini adalah seseorang yang didapati bersalah boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun bersekali dengan denda ataupun sebat dengan rotan. Walaupun kesalahan itu diakui serius tetapi didapati hukuman sekarang dianggap sudah memadai dan buat masa ini adalah difikirkan hukuman mati tidak wajar dikenakan bagi kes-kes merogol.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mencadangkan supaya hukuman mati dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah.

Pada masa ini hukuman yang boleh dijatuhkan kepada pengedar-pengedar dadah adalah samada hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sebat dengan rotan. Yang mana satu hukuman yang hendak dijatuhkan adalah terpulang kepada budi bicara mahkamah setelah diambil kira faktor-faktor yang sewajarnya mengenai satu-satu kes itu. Adalah didapati hukuman yang tercatat di dalam undang-undang sekarang ini sudah memadai. Bagaimanapun undang-undang itu akan dikaji dari semasa ke semasa dan sekiranya suasana menghendaki dibuat demikian, maka pindaan selanjutnya boleh dibuat kepada undang-undang yang mengandungi hukuman tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling menyentuh tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu. Di dalam ucapannya, kalau tak salah ingatan saya, dia telah meminta saya dan juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi kenyataan samada tindakan dari segi undang-undang boleh dibawa terhadap Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu yang menurut kata Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah mengeluarkan kata-kata yang menyalahi peruntukan undang-undang Seditious Act.

Pada amnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa tiap-tiap Ahli dalam Dewan ini bebas mengeluarkan pendapat-pendapat, bebas dalam ertikata bahawa mereka tidak boleh dituduh dari segi undang-undang jenayah ataupun sivil di mana-mana mahkamah di atas apa sahaja percakapan yang dikeluarkan di dalam Dewan ini.

Tetapi kalaulah sekiranya percakapan Ahli-ahli Yang Berhormat itu didapati melanggar mana-mana syarat di dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan tahun 1948, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua maklum, saya percaya ada peruntukan di dalam Standing Orders kita dalam mana perkara ini boleh diruikkan kepada Privileges Committee of the House yang boleh menimbang samada kenyataan-kenyataan dalam ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu telah menjejaskan peruntukan Fasal 36 dalam Standing Orders Dewan ini.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat kalau perkara ini diambil tindakan oleh Dewan yang mulia ini, kajian yang mendalam perlu diambil terlebih dahulu meng-

kaji dengan sehalus-halusnya kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapannya sebelum satu-satu keputusan dibuat untuk dirujukkan perkara ini kepada Privileges Committee supaya kajian yang lebih mendalam boleh dibuat. Tetapi dari segi undang-undang, saya selaku Peguam Negara, saya percaya saudara saya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab juga dalam perkara ini kerana selain daripada tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat tindakan boleh diambil di bawah Undang-undang Seditious Act, 1948 oleh kerana kebebasan diberi kepada Ahli Dewan daripada dituduh di mahkamah sebagaimana terkandung di dalam Undang-undang Hak dan Kebebasan Ahli telah diatasi oleh Per-  
kara 63 (4) Perlembagaan yang menetapkan bahawa seorang Ahli boleh dituduh apabila mengeluarkan kata-kata yang boleh men-  
sabitkan di bawah Akta Hasutan, 1948.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

6.42 ptg.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas segala pandangan, teguran yang bernas dan juga cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh beberapa perkara di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, maka segala-segalanya itu telah diambil ingatan dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak mengatakan di sini bahawa keadaan keselamatan negara adalah terkawal dan keadaan ini semakin hari semakin bertambah baik. Dan saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas penglibatan dan juga kerjasama serta sokongan orang ramai oleh kerana tanpa sokongan dan tanpa kerjasama ini kejayaan yang kita capai setakat ini, saya kira tidak dapat diperolehi.

Baru-baru ini satu persidangan dengan negara sahabat kita iaitu Thailand baharu sahaja selesai di Pulau Pinang. Dan di sana kedua pihak kita dengan Thailand bersetuju, antara lain, kita bersetuju meneruskan gerakan Selamat Sawadi iaitu satu gerakan

untuk menghancurkan pengganas komunis di kawasan perbatasan. Setakat ini mengikut laporan markas komunis di Selatan Thailand itu sudah pecah dan pengganas-pengganas komunis sekarang berpecah belah, lari ber-cempara dan satu kesan dari tindakan bersama Thailand dengan kita ialah ada kemungkinan bahawa pengganas-pengganas komunis tersebut akan merancang pula untuk lari balik ke Semenanjung dan sasarannya yang kita dapat agak iaitu ke Perak dan juga ke Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini saya manfaatkan untuk mengucapkan terima kasih kepada negara sahabat kita Thailand yang telah bekerjasama dengan sepenuhnya bersama-sama kita menentang musuh setiap waktu dan juga berterima kasih kepada mereka di atas kesanggupan untuk terus bertindak dan memberi kerjasama kepada kita dengan bermaksud supaya pengganas komunis iaitu musuh bersama ini dapat dihapuskan. Begitu juga saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan setinggi-tinggi kepada pemerintah Indonesia dan pemerintah Singapura yang memberi kerjasama yang sangat berkesan tentang keselamatan negara-negara kita bersama. Pihak pasukan keselamatan telah berjaya melumpuhkan tulang belakang pengganas komunis iaitu apa yang dikatakan anasir bawah tanah (underground movement).

Sebagaimana saya katakan tadi rakyat langsung tidak membantu. Jadi, kesannya kerana lumpuhnya tulang belakang atau patahnya tulang belakang komunis tadi tanpa bantuan dari orang ramai, jadi pihak komunis pada masa ini adalah di dalam keadaan kucar-kacir sehingga, sebagaimana saya katakan semalam di Ipoh sudah ada kejadian bunuh-membunuh di antara mereka sendiri dan banyak yang melarikan diri, mana yang berani menyerah diri, ada di dalam perjalanan untuk menyerah diri itu dia membunuh kawannya dan ada yang sudah menyerah diri itu terus bekerjasama dengan kita dan Kerajaan dengan cara bermacam-macam termasuk menyeru rakan-rakan mereka yang sesat itu supaya dapat balik kembali ke pangkuan masyarakat. Jadi yang tinggal di dalam hutan, mereka itu sekadar menumpukan segala usaha untuk survival, mencari makan hendak hidup. Walaupun ada juga mereka cuba bergiat untuk menubuhkan ~~yusya~~ setempat,

yang nampak pada kita sekarang strategi mereka, yang mereka laksanakan, pihak komunis tadi pada ketika ini, berpecah-pecah menjadi kumpulan-kumpulan atau gerombolan-gerombolan yang kecil, umpamanya, satu kumpulan itu tiga, empat atau lima, enam orang sahaja. Tujuannya sangat ketara, kerana dengan cara ini mereka seuang mencari makan, mereka mudah menghubungi rakyat untuk mendapatkan bantuan makanan kalau dia dapat pun, atau untuk mencari rekrut dan dengan cara kecil-kecil begini senang mereka muncul serentak, sekali gus di tiga empat tempat memberi gambaran seolah-olah mereka ini masih ramai dengan tujuan menaikkan morale dan juga dengan tujuan untuk memecahkan tenaga pasukan keselamatan, kalau sekiranya dengar keluar di sana, nampak di sini, nampak di sana, tenaga kita pun berpecah untuk memburu mereka.

Dengan lumpuhnya anasir bawah tanah tadi, ada kemungkinan bahawa pengganas ini akan kembali kepada cara lama iaitu cara mendekati the masses. Kalau dahulu dia hanya menggunakan underground, oleh kerana sudah hapus underground ada kemungkinan mereka akan balik mendekati orang ramai. Ini ada kemungkinan. Dan kemungkinan ini termasuk menubuhkan semula pengikut-pengikut yang taat-sewa (minions) seperti tahun 1948 dahulu, dan ada kemungkinan mereka ini akan menghubungi dengan lebih giat lagi Orang Asli. Pihak kita mengetahui semua ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya kerana pihak keselamatan dan pihak polis terutama sekali Special Branch sangat sedar dan faham akan segala selok-belok musuh dan sentiasa akan mengkaji dari masa ke semasa kaedah bagi menghadapi apa juga cabaran.

Begitu juga bilangan dan kecekapan anggota pasukan keselamatan kita akan ditambah dan ditingkatkan. Jadi oleh sebab orang ramai, mungkin boleh menjadi sasaran tindakan dan gerakan pengganas komunis, saya mengambil kesempatan pada petang ini menyeru dan mengingatkan kepada semua pihak, saya meminta pada semua pihak janganlah tertarik dengan apa pujuk rayu mereka, walau bagaimana sekalipun sekiranya ada terkilan, ada curiga dan ada benda yang tidak puas hati terhadap Kerajaan bukanlah dengan cara melawan Kerajaan melalui perjuangan komunis. Langkah ini

kalau diambil samalah seperti meracun diri sendiri. Carilah cara-cara lain yang terbuka mengikut undang-undang untuk melepaskan perasaan yang frust.

Dua hari dahulu kita diberi jaminan oleh Perdana Menteri Vietnam, Encik Pham Van Dong bahawa pihaknya tidak lagi akan men-sabversifkan kita dan juga memberi jaminan bahawa senjata dari Vietnam tidak akan diizinkan keluar untuk penganas komunis menggunakan senjata-senjata itu terhadap kita. Jaminan ini, Tuan Yang di-Pertua, sangat melegakan kita dan mungkin membantu kita dalam usaha kita memerangi musuh negara yang durjana itu. Kita terima jaminan ini sebagai bona fide. Tetapi ini tidak bererti kita harus berpuas hati, kerana musuh negara datangnya bukan dari satu punca sahaja dan janganlah kita khayal (complacent). Kita wajib berhati-hati dan janganlah kita complacent seperti saya katakan tadi kerana adalah menjadi matlamat bahkan adalah menjadi dasar pokok kepada komunis untuk mengkomunikasikan seluruh dunia termasuk kita, baik dengan cara kasar atau cara halus. Itu adalah dasar pokok matlamat komunis.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di dalam Dewan ini Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh soal keselamatan dan ada yang menyelitkan di dalam kata-kata pujian terhadap anggota keselamatan kita. Bagi pihak mereka, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, hanya saya harap agar Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga yang lain mengambil satu langkah lagi iaitu satu usaha, tolonglah pergi melawat ke hospital di mana anggota-anggota kita terlantar akibat kecelakaan sewaktu mereka bertugas. Itu saya minta, kalau boleh. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh soal jenayah. Benar, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada perangkaan kejadian jenayah memang nyata meningkat hingga boleh dikatakan seolah-olah jenayah ini menjadi-jadi. Sewajarnya kejadian-kejadian jenayah ditinjau dalam konteks pertambahan penduduk hendaklah juga kita tinjau penjenayah-penjenayah ini dalam konteks pertumbuhan bandar-bandar baru, kawasan-kawasan tanah baru juga pergolakan dalam masyarakat. Misalnya, dari jumlah penduduk yang begitu meningkat sekali, sudah dapat kita jangka, kita duga bahawa kejadian jenayah pasti bertambah. Dahulu

sudah saya katakan, kerana tekanan dan desakan hidup khususnya di bandar-bandar besar serta keinginan untuk merasa sesuatu yang lazat dan nikmat tetapi di luar kemampuan, di luar pendapatan maka ini boleh mendorong kepada perbuatan jenayah dan sudah ada bukti dorongan untuk mendapatkan bekalan dadah seperti kata IGP baru-baru ini, telah mendesak penagih-penagih dadah melakukan jenayah, merompak dan mencuri.

Satu perkara yang ketara sekali dalam kejadian-kejadian jenayah di dalam penyiasatan kita, walaupun kejadian nampaknya bertambah tetapi kejadian-kejadian ini kebanyakannya adalah jenayah yang boleh dihetong sebagai jenayah kecil (petty crimes). Jadi sudah terang, seperti dalam jawapan soalan tadi, mengapa kuil ini diceroboh, banyak kejadian ini berlaku, oleh kerana hendak mencuri tembaga patung itu. Jadi boleh kita agak, tetapi apa yang saya ingin hendak sarankan di sini ialah sekiranya anggota-anggota masyarakat sendiri mengambil berat serta mengambil sedikit inisiatif menjaga harta benda seperti janganlah mendedahkan barang-barang bersolek, barang-barang kemas, boleh orang kait dari luar tingkap atau meninggalkan rumah yang tidak berkunci atau meninggalkan barang-barang yang berharga di dalam motokar. Ini semua-lah cara-caranya yang barangkali mendorong mana yang sudah begitu desperate sekali hendakkan duit kerana hendak membeli dadah dan sebagainya, maka kejadian jenayah ini boleh bertambah.

Berkenaan dengan soal dadah pula, Tuan Yang di-Pertua, tugas memerangi dadah ini adalah sangat berat sekali. Kalau saya ditanya, saya tidak suruh orang lain berfikir macam saya, tetapi kalau saya ditanya seberat mana, saya kata sama berat macam perang komunis, kerana akibatnya, hujung-hujungnya sama. Kalau rakyat kita yang muda-muda ini sudah lembik sahaja tiada semangat, sampai 40% penduduk-penduduk, apakah jenis manusia yang akan datang, yang akan duduk dalam Dewan ini yang mereka mesti keluar lima minit sekali untuk menyedut dadah. Jadi sama problemnya dengan komunis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena adakan Standing Orders baharu! (*Ketawa*)

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Itu "Standing Disorder" nampaknya. Pada saya ini adalah sangat berat. Dan baru-baru ini beban ini diberikan kepada saya. Insya Allah, ketika ini, saya sedang giat merancang dan merencana strategi dan program baik dari jangka pendek atau jangka panjang untuk mencari jalan bagaimana kita boleh membasmikan angkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri suka hendak menyambong lagi esok?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kata habis pukul 7.30, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, pukul 7.00. Suka sambung esok?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sedikit sahaja lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, kena buat usul lain. Sambung esok—tidak meng-apa. Jadi Yang Berhormat Menteri boleh menyambong esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hari esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan terus menjawab.

Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari esok, 19-10-1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*